

BAB SATU

PENGENALAN

1 PENDAHULUAN

Bab pertama akan membincangkan secara ringkas tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kajian berkaitan dan rangka kajian.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa merupakan satu alat untuk berkomunikasi di dalam kehidupan seharian dengan orang lain, tanpa bahasa kita tidak mampu berkomunikasi dengan sempurna dan sukar untuk mengetahui maksud penutur. Terdapat pelbagai bahasa di dunia ini. Setiap negara mempunyai bahasanya sendiri termasuklah bahasa Arab.

Bahasa Arab merupakan bahasa syurga dan bahasa Islam. Bahasa Arab merupakan bahasa ibunda kepada lebih 280 juta penduduk Arab di seluruh dunia. Bahasa ini mula berkembang dan turut dipelajari oleh bangsa lain kesan daripada tersebarinya melalui kitab al-Quran yang diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W dalam bahasa Arab.

Pada hari ini, bahasa Arab bukan sahaja untuk mempelajari dan memahami ilmu agama yang berkaitan dengan Islam seperti tauhid, feqah, dan sebagainya malah ia mula digunakan dalam pelbagai bidang antaranya perindustrian, teknologi, pelancongan dan sebagainya.

Pengajaran bahasa Arab juga telah berkembang dari masa ke semasa. Ia mula diajar secara formal di sekolah, kolej dan universiti. Dalam proses pengajaran bahasa, ia memerlukan kepada perubahan yang membolehkan pelajar berkomunikasi dalam pelbagai bidang dan tujuan yang tertentu. Proses pengajaran ini memerlukan kepada bahan-bahan yang berkisarkan kepada tujuan tersebut antaranya pelancongan. Peluang sebegini dapat membantu pelajar terutamanya dan termasuk orang awam dalam berkomunikasi dalam bidang pelancongan. Bahan-bahan pengajaran bahasa untuk tujuan pelancongan pula amat berkurangan dan amat sukar diperolehi khususnya di Malaysia. Bagi pelajar yang mempelajari bahasa Arab untuk tujuan pelancongan, mereka memerlukan bahan pengajaran yang bersesuaian dengan tujuan dan matlamat tersebut. Melalui kajian ini, pengkaji akan mengkaji keberkesanan dan kelebihan modul terhadap pengajaran bahasa untuk pelancongan di samping menghuraikan beberapa permasalahan yang timbul dari modul pengajaran ini di peringkat permulaan.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Bahan pengajaran bahasa yang menggunakan pendekatan komunikatif untuk tujuan pelancongan amat berkurangan di Malaysia malah amat sukar didapati di kedai-kedai buku. Selain itu juga isi kandungannya tidak menghiraukan aspek sosial dan tujuan belajar bahasa. Malah penggunaan modul pengajaran yang tidak selaras dan sesuai dengan tujuan pelancongan.

Pengkaji akur dengan matlamat dan tujuan yang dibuat oleh penulis-penulis, namun pengkaji masih merasakan terdapat kekurangan pada bahan pengajaran khususnya untuk tujuan pelancongan. Bahan pengajaran untuk tujuan khas mestilah berbeza dari segi isi kandungannya dari bahan bahasa Arab komunikasi yang sedia ada.

Persembahan sesuatu modul juga mestilah menarik dan kemas agar boleh mendatangkan minat pelajar terhadap bahan pengajaran. Pemilihan gambar ataupun bahan grafik mestilah bersesuaian dan bertepatan dengan usia pelajar. Susun atur bahan grafik juga mestilah teratur kerana ia melambangkan kematangan dan pengalaman penulis itu sendiri.

Modul yang dihasilkan juga seharusnya memenuhi tuntutan semasa dan memastikan kandungannya sesuai dan relevan dengan kehidupan pelajar. Menurut Mahzan Arsyad (2008) modul bukan sahaja digunakan sebagai bahan pengajaran tetapi juga sebagai saluran pemindahan budaya dan nilai sesuatu masyarakat. Tambahan beliau, sesuatu modul seharusnya mempunyai pengaruh yang besar bagi membentuk sikap, sifat, nilai serta unsur sahsiah seseorang pelajar (Mahzan Arsyad,2008:298).

Selain itu, latihan yang dipersembahkan juga mestilah bersesuaian dengan empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Latihan juga perlu mempelbagaikan jenisnya dan menarik di samping mampu memandu pelajar mencapai objektif kurikulum yang telah ditetapkan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti ciri-ciri kandungan modul bahasa Arab yang digunakan untuk tujuan pelancongan.
2. Mengkaji persembahan modul bahasa Arab digunakan untuk tujuan pelancongan.
3. Menganalisis keberkesanan penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.4 SOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab persoalan-persoalan berikut :

1. Apakah kandungan modul yang disediakan menepati sukatan?
2. Bagaimanakah persembahan modul membantu dalam menyampaikan sukatan?
3. Sejauh manakah modul memberi kesan dalam pengajaran dan pembelajaran?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang seumpama ini sangat penting diteruskan sebagai suatu usaha mengembangkan bahasa Arab dan memberi kesedaran akan kepentingan bahasa ini. Ia juga dapat memberi gambaran mengenai keperluan bahasa Arab untuk tujuan pelancongan. Namun apa yang pasti setakat ini masih belum ramai lagi yang mengkaji aspek keberkesanan modul pengajaran untuk tujuan khas ini.

Selain itu ia dapat memberi panduan kepada penulis-penulis buku dalam usaha menghasilkan modul pengajaran yang bersesuaian dalam bidang tertentu khususnya pelancongan. Melalui kajian ini masalah penyediaan bahan pengajaran untuk tujuan pelancongan dapat diatasi dengan penulis mengetahui matlamat dan tujuan sebenar dalam penulisan mereka secara langsung dapat mengatasi kelemahan isi kandungan buku untuk tujuan ini. Selain itu juga ia dapat membantu para pengkaji dari bidang yang berkaitan dalam menghasilkan buku yang berkualiti.

Kajian ini juga membolehkan pelajar memiliki bahan pengajaran yang sesuai dengan minat dan keperluan mereka serta dapat memenuhi tujuan pembelajaran mereka sekaligus dapat digunakan dalam kehidupan seharian mereka.

1.6 BATASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menjadikan modul pengajaran bahasa Arab untuk tujuan pelancongan sebagai teras utama kajian. Modul yang digunakan ialah Modul Bahasa Arab – BAB 130 *Al-‘Arabiyyatt li al-Siyāhatt*. Kajian akan memberi fokus terhadap kandungan bahan pengajaran, persembahan, pemilihan tajuk dalam setiap bab, pemilihan perkataan dalam pengajaran kosa kata, kelebihan dan kelemahan modul pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini melibatkan pelajar Diploma yang dipilih dari satu fakulti dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) iaitu Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan. Selain itu kajian ini melibatkan beberapa orang pakar yang terdiri daripada pensyarah yang berpengalaman dalam pengajaran dan penulisan dalam bidang ini.

1.7 KAJIAN BERKAITAN

Nik Muhammad Rahimi (1992) telah melakukan kajian di peringkat Sarjana Moden di Maahad al-Khaurtum al-Dawliyy yang bertajuk “ *Pembentukan Silibus Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pelajar Peringkat Permulaan Di Malaysia – Tujuan Memahami Al-Quran dan Hadis.*” Beliau telah menjelaskan tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa, isi kandungan bahasa, dan teknik yang harus dilakukan pengajaran bahasa.

Norhayuza Mohamad (2001) telah melakukan kajiannya di peringkat Sarjana Moden di Universiti Malaya (UM) yang bertajuk “*Masalah Ingatan: Satu Kajian Kes Pelajar Dewasa Bahasa Arab*”. Kajian beliau memfokuskan cara mengatasi masalah ingatan yang dihadapi oleh pelajar dewasa. Beliau menyatakan dalam kajiannya bahan

pengajaran hendaklah tersusun dan teratur. Bahasa yang digunakan mestilah kemas, tersusun dan menarik bagi memudahkan untuk pelajar mengingat apa yang dipelajari.

Ibrahim Abdullah (2003) telah melakukan kajian di peringkat Sarjana Pengajian Bahasa Moden di Universiti Malaya (UM) yang bertajuk "*Masalah Penyediaan Buku Teks Bahasa Arab Untuk Pelajar Dewasa*". Kajian beliau memfokuskan masalah buku teks pengajaran yang diguna pakai oleh pengajar dan pelajar dewasa dengan memilih dua buku teks pengajaran. Beliau mengkaji isi kandungan buku teks, persembahan teks serta membuat perbandingan antara kedua-dua buku teks. Selain itu beliau juga mengkaji masalah yang dihadapi oleh pelajar dewasa dalam pembelajaran bahasa Arab.

Azharudin bin Ahmad Zakaria (2005) telah melakukan kajian Sarjana Pengajian Bahasa Moden Di Universiti Malaya yang bertajuk "*Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Agama : Satu Kajian Kes*". Kajian beliau menumpukan kesesuaian dan keberkesanan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana mutu buku teks adalah penting bagi menentukan mutu pengajaran dan pendidikan secara umumnya. Penilaian terhadap buku teks diuji berdasarkan lima kriteria utama iaitu persembahan, kandungan, latihan, ilustrasi dan kemahiran bahasa. Kajian beliau mendapati bahawa buku teks yang digunakan tidak menerapkan kemahiran bahasa secara lengkap. Hanya beberapa kemahiran bahasa sahaja yang diberi penumpuan. Selain itu juga penggunaan gantinama bahasa Arab dalam teks pengajaran dilakukan dengan tidak teliti dan menyeluruh. Beliau mencadangkan agar buku teks yang digunakan mestilah memberi tumpuan kepada perkembangan pengetahuan pelajar terhadap sesuatu pelajaran yang dipelajari.

Mohd Puzhi bin Usop (2007) telah melakukan satu kajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah yang bertajuk “*Modul Asas bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah*” untuk pelajar awam peringkat permulaan. Kajian beliau membincangkan asas-asas, metodologi dan pendekatan yang digunakan dalam penyediaan modul untuk tujuan ibadah. Menurut beliau dalam penyediaan modul haruslah dilakukan oleh pakar-pakar yang arif untuk sesuatu tujuan khusus. Selain itu sesuatu modul yang hendak dibina perlulah mengambil kira aspek-aspek latar belakang pelajar, sesuai dengan tahap pemikiran dan intelkektual pelajar.

1.8 RANGKA KAJIAN

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Penerangan ringkas mengenai bab adalah seperti berikut:

Bab Pertama:

Bab pertama akan membincangkan pengenalan tentang latar belakang kajian, objektif kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian, batasan kajian. Selain itu juga pengkaji akan membincangkan tentang kajian-kajian yang berkaitan.

Bab Kedua:

Dalam bab dua, pengkaji akan membicarakan tentang beberapa definisi modul menurut beberapa tokoh-tokoh bahasa. Selain itu juga pengkaji akan menyentuh penggunaan modul dalam pengajaran serta ciri-ciri modul yang terbaik. Bab ini juga akan membincangkan teori pembelajaran, kaedah dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan penyediaan modul.

Bab Ketiga:

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan metodologi kajian yang dijalankan. Pengkaji akan menghuraikan dengan terperinci model penilaian yang digunakan dalam

kajian ini. Selain itu ia turut membincangkan pemilihan sampel, cara pengumpulan data dan dianalisis.

Bab Keempat:

Pengkaji akan menjelaskan tentang analisis modul. Modul yang telah dianalisis akan dibincangkan dalam bentuk petikan dan jadual bagi memudahkan pembaca memahaminya.

Bab Kelima:

Bab ini pula akan membincangkan data yang diperolehi daripada borang soal selidik. Pengkaji menggunakan program SPSS bagi memudahkan pemprosesan data. Data yang diperolehi ini akan dibentangkan dalam bentuk jadual dengan bacaan peratus dan min. Di akhir bab penulis akan membuat rumusan ringkas tentang data ini berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.

Bab Keenam:

Ini adalah merupakan bab terakhir. Bab ini akan membincangkan kesimpulan kajian yang telah dijalankan. Seterusnya pengkaji akan memberikan beberapa cadangan kajian dan juga cadangan kajian lanjutan.

1.9 PENUTUP

Bab ini merupakan bab pendahuluan kepada kajian pengkaji. Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, dan kepentingan kajian. Perbincangan berkaitan batasan kajian serta kajian berkaitan juga dihuraikan dalam bab ini agar kajian ini dilakukan dengan lebih fokus.

BAB DUA

LANDASAN TEORI

2 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan melihat definisi modul menurut pandangan beberapa tokoh tempatan, penggunaan modul dalam pengajaran dan ciri modul yang terbaik. Selain itu pengkaji akan menerangkan pendekatan-pendekatan dalam pengajaran dan kaedah pengajaran mengenai pengajaran bahasa Arab. Pengkaji juga akan meninjau mengenai pemilihan dan penyusunan bahan pengajaran. Pengkaji juga akan melihat takrifan penilaian, proses penilaian dan aspek-aspek yang penting dalam penilaian. Pengkaji akan menyatakan aspek yang ditekankan dalam kajian pengkaji.

2.1 DEFINISI MODUL

Kamus Dewan edisi keempat memberi takrif modul sebagai:

1. Unit atau bahagian yang lengkap dengan komponennya yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkaikan dengan unit-unit lain dalam sesuatu yang lebih besar.
2. Kursus, pelajaran dan (latihan dan sebagainya) yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran.

Mohammed Saleh Samak (1979):

Modul merupakan satu garis panduan bertulis untuk melaksanakan satu tugas atau kerja, di mana ianya wujud hasil dorongan atau motivasi yang kuat atau cetusan idea dan buah fikiran daripada pihak-pihak yang tertentu. Modul

mestilah satu rangka yang bertulis, mempunyai tujuan dan matlamat yang ingin dicapai, dijelaskan cara-cara dalam pelaksanaannya serta teknik-teknik tertentu bagi menjayakan.

Sharifah Alwiyah Alsagoff (1991):

Modul merupakan bahagian-bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan berkaitan rapat di antara satu bahagian kecil dengan bahagian-bahagian kecil yang lain. Beliau juga menyatakan modul pengajaran ialah bahan pengajaran yang dilengkapi dengan isi kandungan mata pelajaran serta strategi-strategi tindakan-tindakan, gerakerja-gerakerja yang boleh di selenggara oleh guru bersama-sama dengan cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut.

Chong Sui Lian (1998) mentakrifkan modul sebagai:

Satu pakej pengajaran dan pembelajaran atau pukal belajar sendiri yang lengkap dengan komponen-komponen pengajaran pembelajaran seperti objektif, bahan dan aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian serta arahan dan tatacara yang sistematik supaya pelajar dapat mengikuti langkah demi langkah bagi menguasai sesuatu unit pembelajaran dan boleh dijalankan secara individu.

Chandrika (2003) pula mendefinisikan:

Ia merupakan buku yang ditulis oleh pakar-pakar dalam sesuatu bidang yang dilakukan meliputi pelbagai penyelidikan. Apabila penggubal mendapati hasil penyelidikan sangat berfaedah, maka usaha diambil untuk berkongsi ilmu pengetahuan menerusi penulisan.

Sidek Mohd Noah (2005) memberi takrifan bahawa:

Modul ialah satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan pelajar belajar secara bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat.

Maka daripada takrifan-takrifan yang diberikan, pengkaji merumuskan modul merupakan bahan pengajaran yang sistematik mempunyai unit-unit pelajaran yang kecil dengan setiap unit kecil mempunyai tajuk yang berkait rapat dengan unit-unit yang lain serta mempunyai tujuan dan objektif yang tertentu bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelajar agar pembelajaran pelajar akan lebih berkesan.

2.2 PENGGUNAAN MODUL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Penggunaan modul dalam pengajaran merupakan suatu bahan pegangan yang penting dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran agar selari dengan kurikulum yang telah ditetapkan. Modul dijadikan sebagai panduan agar proses pengajaran dan proses pembelajaran berjalan secara tersusun dan teratur. Adalah diakui bahawa modul mempunyai pelbagai kegunaannya. Hal ini berlaku kerana modul merupakan suatu alat, bahan dan sumber bantuan kepada pelajar dalam usaha membantu pelajar memahami sesuatu pelajaran yang dipelajarinya (Sidek Mohd Noah, 2005).

Pengajaran bermodul menyediakan peluang kepada para pelajar untuk mempelajari sesuatu bahan pengajaran dengan berbagai cara dan membenarkan setiap pelajar

memilih media yang paling sesuai dan berkuasa bagi mereka untuk memahami bahan tersebut (Chandrika, 2003).

Menurut Rusell (1974) dalam Mohd Sidek Noah (2005) pengajaran bermodul secara akademik boleh dilaksanakan di sekolah rendah, menengah, kolej dan juga universiti. Modul dapat membantu para guru mengajar sesuatu tajuk melalui pelbagai aktiviti tersusun untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Penggunaan modul juga dapat menarik minat pelajar sekolah terhadap pengajaran dan pembelajaran serta melatih pelajar sekolah bersikap yakin diri, menunjukkan bakat, kebolehan, kepimpinan, sikap bekerjasama dan juga membantu meningkatkan prestasi akademik serta sahsiah pelajar.

Burn 1971 (dipetik dari Chandrika, 2003) menyatakan pembelajaran bermodul bertujuan menyediakan pilihan dalam berbagai tajuk yang terdapat dalam sesuatu mata pelajaran. Selain itu, pembelajaran bermodul juga akan membolehkan para pelajar memilih cara pembelajaran yang paling sesuai untuk diri mereka supaya pembelajaran akan lebih berkesan dan produktif. Kaedah pembelajaran bermodul yang mempunyai pelbagai aktiviti seperti membaca teks, mendengar rakaman dan meneliti gambar akan merangsang pembelajaran para pelajar.

Sharifah Alwiyah Alsagoff (1981) membuat andaian bahawa pembelajaran menggunakan modul membolehkan penggunaanya sekurang-kurangnya boleh mengikut arahan, khasnya membaca dan mendengar. Kalau seseorang itu tidak boleh membaca, pengajaran modul boleh dibuat dengan audio. Penyampaian cara kedua mempunyai kecekapan mendengar. Maka dengan itu modul boleh digunakan untuk perkara-perkara berikut:

- 1) Pengajaran biasa: Guru-guru boleh menjadikan modul sebagai pengajaran biasa.

- 2) Memperkayakan bahan pengajaran dan pembelajaran: Guru-guru boleh memperkayakan bahan pengajaran dan pembelajaran.
- 3) Pengajaran pemulihan.
- 4) Menetapkan kebolehan yang sama di peringkat permulaan sebelum memulakan satu pembelajaran baru.
- 5) Mengajar pelajar yang tidak dapat hadir dengan sebab-sebab yang tidak boleh dielakkan.

Selain itu juga penggunaan modul ini membolehkan pelajar menggunakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada. Hal ini kerana modul yang dihasilkan biasanya mudah dibawa dan juga tidak membebankan.

Selain itu, Mohd Puzhi bin Usop (2007) dalam dapatan kajiannya menunjukkan penggunaan modul dalam pembelajaran dapat menarik minat terhadap sesuatu bahan pengajaran. Ini dapat dilihat melalui keputusan datanya bahawa pelajar bertambah minat untuk mempelajari bahasa Arab setelah menggunakan modul yang telah dibinanya.

Maka dapatlah difahami di sini bahawa modul juga merupakan satu medium yang terbaik dalam menyampaikan sesuatu isi kandungan pelajaran.

2.3 CIRI-CIRI MODUL YANG TERBAIK

Modul merupakan bahan pengajaran yang berkesan untuk pelajar. Ciri-ciri modul sangat penting kepada pembina-pembina modul kerana ia dapat memberi gambaran yang jelas bagaimana modul tersebut dapat memberi manfaat kepada penggunanya

(Sidek Mohd Noah, 2005). Sharifah Alwiyah Alsagoff (1981) menyatakan modul pengajaran dan pembelajaran mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Di antara ciri-ciri yang terdapat dalam modul adalah:

1. Satu golongan pengguna

Bukan semua modul boleh digunakan oleh semua pelajar dari darjah satu hingga ke universiti. Tiap-tiap satu modul mestilah ditujukan khas kepada satu golongan murid yang lebih kurang sama dari segi kebolehan, penguasaan perbendaharaan kata dan sifat-sifat lain yang dianggap perlu.

2. Satu atau beberapa konsep

Oleh kerana modul adalah unit kecil yang serba lengkap, jelaslah hanya satu atau beberapa konsep sahaja yang boleh dimuatkan dalam satu modul.

3. Objektif-objektif tertentu

Ini adalah pernyataan pencapaian di awal modul yang harus dapat diperolehi oleh murid setelah mengikuti modul. Sebaik-baiknya pernyataan ini dibuat dalam bentuk objektif tingkah laku yang boleh dilihat dan diukur.

4. Isi kandungan yang berkaitan

Isi kandungan ini akan memuatkan segala penjelasan secara bertulis atau bukan bertulis. Segala penjelasan adalah disediakan semata-mata untuk mencapai objektif yang telah dinyatakan di awal modul.

5. Berbagai media

Pemilihan media yang digunakan dalam modul tersebut adalah berpandukan kepada keperluan serta kehendak objektif-objektif modul. Penggunaan media seharusnya terjalin rapi ketika perancangan modul dan bukannya digunakan dengan cara disisipkan kemudian ataupun secara tambahan sewenang-wenang sahaja.

6. Pengajaran lengkap atau tambahan

Modul boleh digunakan untuk pengajaran pemulihan atau tambahan mengikut keperluan keadaan tertentu. Modul juga boleh digunakan untuk keseluruhan sesuatu kursus atau sebagainya.

7. Memberi petunjuk sendiri

Harus tersedia juga di dalam sesuatu modul itu segala arahan dan petunjuk maju supaya murid boleh maju sendiri.

8. Berbagai strategi

Modul juga boleh dimuatkan berbagai strategi atau aktiviti seperti berbincang, membaca buku teks dari perpustakaan, membuat uji kaji dan sebagainya.

9. Kecepatan sendiri

Modul adalah satu jenis pengajaran individu dan sememangnya murid ditaja supaya belajar mengikut kecepatannya sendiri dan tidak mengikut kecepatan kawan-kawannya dalam kelas.

10. Peneguhan terus menerus

Keteguhan ini merupakan jawapan-jawapan betul yang diberi dalam modul setelah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

11. Latihan yang cukup

Pelajar-pelajar diberi latihan yang cukup mengenai konsep, kemahiran dan sebagainya. Soalan-soalan yang harus dijawab sendiri sentiasa dikemukakan untuk memberi latihan yang memadai.

12. Penilaian

Pelajar dinilai sebagaimana yang telah dinyatakan dalam objektif. Penilaian ini dikemukakan dalam ujian awal, ujian akhir dan ujian-ujian sendiri dalam bahan pembelajaran modul tersebut.

13. Ujian luar

Modul yang sudah siap hendaklah terlebih dahulu diuji penggunaannya kepada golongan pelajar yang dinyatakan. Setelah diuji, pembetulan boleh dibuat supaya modul tersebut akan lebih berkesan untuk mencapai objektif yang dinyatakan dalam modul itu.

2.4 PENDEKATAN PENGAJARAN BAHASA

Pendekatan dalam pengajaran bahasa ialah satu kumpulan andaian yang saling berkaitan tentang hakikat bahasa, hakikat pengajaran bahasa dan hakikat pembelajaran bahasa. Setiap pendekatan harus mencerminkan satu pandangan (falsafah) tentang hakikat bahasa. Iaitu apakah sebenarnya bahasa itu, bagaimana ia dikuasai dan diperoleh, bagaimana pula ia dilahirkan dan difahami serta di mana ia disimpan. Selain daripada itu, pendekatan harus mencerminkan satu teori bahasa (teori linguistik), atau satu teori pengajaran dan teori pembelajaran (Kamarudin Hj. Husin, 1998).

2.4.1 Jenis-Jenis Pendekatan

Dalam pengajaran bahasa terdapat empat jenis pendekatan menurut Kamarudin Hj Husin(1998):

- i) Pendekatan Induktif
- ii) Pendekatan Deduktif
- iii) Pendekatan Elektik
- iv) Pendekatan Komunikatif

Pengkaji akan menghuraikan setiap jenis pendekatan secara ringkas seperti berikut :

2.4.1.1 Pendekatan Induktif

Pendekatan induktif merupakan satu pendekatan mengajar yang memulakan sesuatu kajian dengan melihat penggunaan unsur-unsur bahasa yang diajar melalui contoh-contoh. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, pendekatan ini mengutamakan contoh-contoh pada awal pengajaran dan dibuat generalisasi daripadanya. Guru-guru tidak digalakkan memberi definisi, penerangan, isi atau kandungan keseluruhannya keseluruhan pelajaran yang hendak disampaikan atau memberikan objektif pengajaran pada awal pengajaran.

Melalui pendekatan ini pelajar-pelajar akan diberikan contoh dan aktiviti mengenai pelajaran yang akan dipelajari terlebih dahulu kemudian barulah diterangkan definisi dan pengenalan pelajaran itu.

Ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan dalam pendekatan ini:

- i. Guru perlulah mempunyai struktur tatabahasa yang hendak disampaikan.
- ii. Berdasarkan bahagian-bahagian tatabahasa yang saling berkait yang diberikan dalam satu struktur, guru bolehlah menyusun satu langkah yang teratur bagi memudahkan kefahaman.
- iii. Satu strategi pemeringkatan hendaklah disusun supaya guru dapat menolong pelajar-pelajar membentuk konsep dan seterusnya membuat generalisasi tentang tatabahasa seperti yang dikehendaki.
- iv. Latihan yang mencukupi hendaklah juga dibentuk dan diadakan untuk menguji kefahaman mereka (Abdullah Hassan, 1996:122).

2.4.1.1.1 Kelebihan Dan Kelemahan Pendekatan Induktif

Terdapat beberapa kelebihan dan kelemahan menerusi pendekatan ini. Abdullah Hassan, (1996:124) menyebut antara kelebihan pendekatan ini ialah:

1. Kelebihan pendekatan induktif:

a. Sesuai untuk semua bahasa

Pendekatan ini amat berkesan untuk mengajarkan bahasa yang mempunyai sistem tatabahasa yang tersusun dan rapi. Hanya dengan mengajarkan satu sistem rumusan tatabahasa sahaja, kita akan dapat mengajarkan semua binaan tatabahasa yang mempunyai ciri yang sama. Pendek kata, kalau rumusan tatabahasa itu dapat digunakan untuk semua hal yang demikian maka mudahlah tersebut difahami.

b. Pelajar membuat generalisasi secara aktif

Melalui contoh-contoh yang wujud dalam bahasa, maka setiap pelajar boleh membuat generalisasi dengan sendiri. Dengan bermula dengan contoh kemudian memahami rumusan tatabahasa, maka pelajar akan mudah menghasilkan ujaran sama. Pengingatan semula akan rumusan dan contoh-contoh yang sebenar itu dapat dilakukan dengan mudah. Contoh yang dipelajari dan rumusan yang digeneralisasikan oleh pelajar akan dapat membantu memperkukuhkan pembelajaran unsur tatabahasa berkenaan.

c. Pelajaran hampir dengan kehidupan

Agaknya salah satu daripada kebaikan yang besar dalam pendekatan induktif ini ialah setiap bahan, unsur atau contoh yang diberi itu adalah ujaran-ujaran yang diambil daripada ujaran yang sebenar. Ujaran ini membolehkan pelajar menggunakan dalam situasi yang realiti serta memudahkan pelajar untuk menghafalnya.

2. Kelemahan pendekatan induktif:

- a. Banyak masa diperlukan untuk persediaan

Penyediaan pelajaran melalui pendekatan ini perlulah dilakukan dengan teliti, masa yang panjang diperlukan untuk membuat persediaan dan menyelesaikan sesuatu butiran.

- b. Tidak memuaskan pelajar

Pelajar kerap juga berasa kurang sabar, sebab pendekatan ini memerlukan pelajar melalui contoh-contoh yang banyak dan membuat kesimpulan sendiri. Ini sukar untuk mendapat kerjasama dari pelajar.

- c. Maklumat tentang pengetahuan asas

Dalam pengajaran bahasa, pengetahuan asas yang tertentu amat diperlukan. Lagipun pembelajaran bahasa itu adalah pembelajaran yang merupakan suatu proses bertompok.

- d. Membebankan pelajar

Pelajar boleh merasakan pendekatan ini akan memberi mereka banyak tugas. Ini dapat dilihat dengan jelas kerana setiap pelajaran menggunakan banyak contoh untuk menjelaskan suatu butiran rumusan tatabahasa.

2.4.1.2 Pendekatan Deduktif

Pendekatan ini merupakan satu pendekatan mengajar yang memulakan sesuatu kajian itu dengan melihat secara keseluruhan aspek pembelajaran itu pada awal sebelum kesimpulan-kesimpulan spesifik tentangnya dilakukan. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, terutamanya dalam menyusun turutan isi, pendekatan ini mengutamakan generalisasikan dibuat di awal pengajaran kemudian dikemukakan contoh. Guru digalakkan memberi definisi, penerangan terhadap peraturan-peraturan, isi

atau kandungan keseluruhan pelajaran yang hendak disampaikan atau memberitahu objektif pengajaran di bahagian awal pengajaran.

Melalui pendekatan ini pelajar-pelajar akan diterangkan definisi dan pengenalan mengenai pelajaran yang akan dipelajari dengan jelas terlebih dahulu kemudian barulah diberikan contoh dan latihan yang berkaitan.

Menurut Nik Hasan Basri (2005:118) perkara-perkara yang harus diberi pertimbangan wajar oleh seseorang guru yang hendak memaksimumkan keberkesanan pengajarannya adalah seperti berikut:

- i. Generalisasi yang akan disampaikan pada permulaan pelajaran mestilah dinyatakan dengan sejas-jelasnya dan secara mudah difahami.
- ii. Contoh-contoh tidak seharusnya datang daripada guru sahaja sahaja tetapi juga dikemukakan oleh murid-murid sendiri.
- iii. Contoh-contoh yang dipilih dan digunakan mestilah sesuai dan mencukupi.
- iv. Latihan yang diberi patutlah beraneka jenis dan dalam konteks, bermakna dan bukanlah semata-mata menghafalan dan tidak memakan masa yang terlalu panjang pada satu-satu kali.
- v. Kefahaman generalisasi haruslah dinilai dengan memerlukan murid-murid menggunakannya dalam situasi-situasi yang hampir sama.

2.4.1.2.1 Kelebihan Dan Kekurangan Pendekatan Deduktif

Terdapat beberapa kelebihan dan kekurangan dengan menggunakan pendekatan deduktif ini. Abdullah Hassan, (1996:117) menyebut antara kelebihan pendekatan ini ialah:

1. Kelebihan pendekatan deduktif:

- a. Mudah memahami butiran isi pelajaran

Oleh sebab pendekatan ini menjelaskan rumusan-rumusan tatabahasa terlebih dahulu, maka kita akan dapat menjelaskan sesuatu rumusan tatabahas dengan mudah. Jika rumusan-rumusan tatabahasa dapat difahami dengan sejelas-jelasnya, dapatlah dianggap bahawa pelajar akan tahu menggunakannya dengan berkesan, iaitu bertutur dan menulis dengan tepat, begitu juga dengan aspek pendengaran dan pemahaman.

- b. Boleh diajar oleh guru-guru yang kurang fasih

Pendekatan deduktif juga agak mudah dijalankan. Pengajarannya dapat dilaksanakan oleh guru-guru yang kurang mahir bertutur kerana guru perlu memahami rumusan tatabahasa sahaja, dan rumusan tersebut.

- c. Menjimatkan masa

Penjelasan sesuatu rumusan tatabahasa akan dibuat dengan satu kenyataan ringkas. Ini akan memudahkan kefahaman dan dengan itu menjimatkan masa.

2. Kekurangan pendekatan deduktif

- a. Membosankan

Pengajaran yang bermula dengan mengajar rumusan-rumusan dan pola-pola tatabahasa mungkin akan menyebabkan pelajar berasa bosan. Pelajar akan berasa bosan apabila sesuatu pola tatabahasa sukar difahami dan pelajar tidak dapat menerapkan rumusan-rumusan tatabahasa dalam penggunaan bahasa.

- b. Kefahaman tidak sama dengan penggunaan

Pelajar mungkin dapat memahami sistem tatabahasa dengan baik tetapi ia belum menjamin yang dia sudah dapat menguasai bahasa tersebut.

2.4.1.3 Pendekatan Elektik

Pendekatan ini menggabungkan kedua-dua pendekatan deduktif dan induktif untuk menghasilkan satu strategi pengajaran. Terdapat dua cara menerusi pendekatan ini. Cara yang pertama, guru-guru bahasa itu memulakan pengajarannya dengan memberi contoh-contoh yang berkait dan kemudian mendapatkan contoh daripada murid-murid. Selepas itu murid-murid dipandu langkah demi langkah untuk sampai kepada kaedah bahasa. Akhirnya mereka didorong untuk memberi contoh-contoh lain dalam konteks yang sama atau hampir-hampir sama yang membolehkan generalisasikan berkenaan diterapkan.

Cara yang kedua ialah guru memulakan pengajarannya dengan menyatakan kaedah yang berkaitan dengan aspek bahasa yang diajar. Kemudian contoh-contoh diberi dan murid-murid menerangkan generalisasi berkenaan. Selepas itu murid-murid pula memberikan contoh- untuk menjelaskan lagi kaedah tadi. Akhirnya undang-undang itu digunakan dalam konteks yang hampir-hampir sama. Kamarudin Hj Husin(1998) merumuskan seperti di bawah:

Kedua-dua cara ini menggunakan model-model berikut:

a) Penekanan kepada pendekatan induktif:

Contoh → Generalisasi → Contoh

b) Penekanan kepada pendekatan deduktif:

Generalisasi → Contoh → Generalisasi

2.4.1.4 Pendekatan Komunikatif

Pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa bermula daripada satu teori yang menganggap bahasa sebagai satu komunikasi.

Pendekatan Komunikatif telah mula berkembang setelah melihat kelemahan-kelemahan dalam pengajaran yang didasarkan kepada teori-teori yang sebelumnya seperti behavioris dan mentalis (Naimah Abdullah, 2004). Seseorang guru harus mempunyai pelbagai cara dan andaian dalam mempersembahkan pengajaran kepada pelajar dan tidak hanya terikat kepada satu set pengajaran sahaja (Zawawai Ismail, 2005). Pendekatan ini diajar secara langsung tanpa diterjemahkan kepada bahasa ibunda. Ia menggunakan kaedah gambar atau lukisan tertentu sebagai bahan bantu mengajar (Ishak Mohd Rejab, 1994:24).

Pendekatan Komunikatif adalah menekankan empat kemahiran bahasa iaitu membaca, mendengar, bertutur dan menulis. Dengan cara ini ia mampu meningkatkan tahap kemampuan dan kemahiran pelajar terhadap bahasa yang dipelajari (Zawawi Ismail, 2005).

Pendekatan komunikatif menyarankan supaya murid-murid diberi peluang menggunakan bahasa itu dalam konteks dan situasi sosial yang tertentu di dalam kelas. Mereka didedahkan kepada kecekapan sosiolinguistik iaitu pengetahuan peraturan penggunaan bahasa (Kamarudin Hj. Husin, 1998).

Menurut Zawawi Ismail (2005) penggunaan pendekatan komunikatif di dalam pengajaran bahasa ialah menjadikan pelajar berupaya berkomunikasi dengan sesuatu bahasa. Hal ini kerana pendekatan ini lebih menumpukan kepada perbualan serta latihan-latihan pertuturan. Bilik darjah sering kali digelar sebagai persekitaran tiruan bagi pembelajaran bahasa asing.

Selain dari perbualan-perbualan harian, faktor sosial juga amat dititik beratkan di dalam kaedah ini. Untuk mewujudkan konteks sosial dalam bilik darjah semasa pengajaran bahasa asing, empat cara telah digunakan semasa pelaksanaannya:

- i) Menggunakan bahasa asing bagi pengolahan bilik darjah.
- ii) Menggunakan bahasa asing sebagai pengantara pengajaran.
- iii) Sesi perbualan dan perbincangan.
- iv) Dialog dan 'main peranan' yang berasaskan pengalaman sekolah.

Pendekatan kedua dan keempat hanya sesuai untuk pelajar yang melepasi tahap asas (Littlewood-terjemahan Juriah Long, 1992).

Pendekatan komunikatif ini membolehkan pelajar berkomunikasi menggunakan bahasa yang mudah di samping menimbulkan minat di kalangan pelajar untuk membaca dan mendengar bahan ilmiah serta menikmati keindahan bahasa itu (Sahabudin, 2003). Selain itu, pendekatan komunikatif akan memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai kemahiran berkomunikasi dalam suasana yang sebenar. Ia juga merupakan suatu pendekatan yang menitikberatkan pengajaran bahasa dengan menggunakan situasi yang se hampir mungkin dengan gaya dan penggunaan bahasa dalam masyarakat penutur jati (Mahzan Arsyad, 2008:249).

2.4.1.4.1 Prinsip Pengajaran Pendekatan Komunikatif

Beberapa prinsip asas proses, pembelajaran dan pengajaran bahasa dalam pendekatan komunikatif menurut Littlewood (dipetik dari Zawawi Ismail, 2005) ialah:

- i) Prinsip komunikasi.

Aktiviti-aktiviti yang melibatkan komunikasi sebenar akan menggalakkan pembelajaran.

- ii) Prinsip tugasan.

Aktiviti-aktiviti yang dapat menggunakan bahasa bagi melaksanakan tugas-tugas yang bermakna juga akan menggalakkan pembelajaran.

iii) Prinsip bermakna

Bahasa yang bermakna kepada pelajar akan mengukuhkan proses pembelajaran.

Zawawi Ismail (2005) menyebut Canale dan Swain pula mencadangkan lima prinsip dalam pendekatan komunikatif:

i) Matlamat

Matlamat utama pendekatan komunikatif adalah untuk mewujudkan integrasi di antara keupayaan komunikatif yang mengandungi keupayaan tatabahasa, keupayaan sociolinguistik dan strategi komunikasi atau keupayaan strategi

ii) Keperluan komunikasi

Pendekatan Komunikatif hendaklah berdasarkan keperluan komunikasi pelajar

iii) Peluang

Pelajar hendaklah mempunyai peluang mengambil bahagian dalam interaksi komunikasi yang bermakna dengan penutur yang berkeupayaan tinggi

iv) Keupayaan komunikatif

Penggunaan yang optimum terhadap aspek-aspek keupayaan komunikatif terutamanya di awal peringkat pembelajaran

v) Keperluan komunikasi

Objektif utama program bahasa kedua berorientasikan komunikasi adalah untuk menyediakan kepada pelajar maklumat, amalan dan pengalaman yang diperlukan oleh mereka untuk keperluan komunikasi.

Kamarudin Hj Husin (1998) menyebut prinsip-prinsip pendekatan komunikasi seperti yang dicadangkan oleh Keith Morrow adalah seperti berikut:

- i. Murid harus mengenal dan mengetahui tujuan dan objektif semua latihan serta aktiviti yang melibatkan mereka.
- ii. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, bahasa boleh dibahagikan kepada komponen- komponen kecil dan kelompok-kelompok ini boleh diajar secara berasingan.
- iii. Matlamat pendekatan ini adalah memperoleh kecekapan berkomunikasi. Oleh kerana itu kaedah mengajar bahasa hendaklah diasaskan kepada cara atau proses komunikasi sebenar.
- iv. Aktiviti komunikatif hendaklah diperbanyakkan dan dipelbagaikan. Aktiviti yang berbagai-bagai ini biasanya menarik minat murid dan secara tidak langsung mendorong mereka terlibat dalam pelajaran itu secara aktif.
- v. Murid-murid hendaklah belajar dalam situasi yang menyerupai keadaan sebenar. Konteks dan situasi-situasi tertentu hendaklah diwujudkan.
- vi. Struktur bahasa adalah sangat penting dalam komunikasi. Kesilapan struktur perlulah diperbetulkan tetapi harus dilakukan secara berperingkat-peringkat.
- vii. Sesuatu aktiviti yang hendak dilaksanakan haruslah boleh menimbulkan keinginan bagi sesuatu pihak untuk berhubung. Dengan hal ini komunikasi akan lebih bermakna.
- viii. Sesuatu aktiviti mestilah dijalankan oleh murid itu sendiri tanpa campur tangan guru. Ini bermakna murid bebas menggunakan bahasa sendiri kerana adanya kelonggaran seperti itu.
- ix. Tugas adalah sangat penting bagi pendekatan komunikatif. Setiap tugas yang diberi harus dapat diselesaikan dengan baik. Tugas mestilah menjadi tempat bergantung murid sesama sendiri. Di sini

mereka mendapat maklumat dan daripada keperluan mendapatkan maklumat inilah mereka dapat berkomunikasi.

2.4.1.4.2 Ciri-Ciri Pendekatan Komunikatif

Ciri-ciri pendekatan komunikatif adalah seperti berikut:

1. Berfokus kepada kemahiran bahasa sebagai bahan untuk berkomunikasi. Kemahiran berkomunikasi perlulah mempunyai tujuan sosial, iaitu bahasa yang dituturkan dalam satu situasi sosial yang tulen. Dalam banyak situasi komunikasi, perhubungan antara pengguna bahasa ialah menerusi pertuturan antara individu. Hubungan interpersonal ini haruslah ditegaskan dalam pendekatan ini.
2. Komunikasi adalah bagi pelbagai tujuan seperti mendapatkan maklumat, meminta maaf, menyatakan perasaan suka atau marah, bertanyakan soalan seperti bertanyakan arah atau tempat dan sebagainya. Pengukuhan perlulah dibuat berlandaskan keperluan untuk memperoleh kemahiran yang digunakan dalam situasi yang sebenar.
3. Perlulah dimulakan dari tahap seawal yang mungkin, biasanya dimulakan dengan tajuk yang mudah seperti pengenalan diri, perbualan harian, hinggalah ke tajuk yang agak mencabar seperti memberikan pendapat atau pandangan, perbincangan serius dalam pelbagai situasi yang lebih formal. Pengajaran guru perlulah menerusi tahap atau aras komunikasi yang dirancang. Kemahiran pelajar diukur berlandaskan persembahan komunikasi pada setiap aras ini.
4. Aktiviti yang dijalankan haruslah bermakna, iaitu mempunyai tujuan yang berfokus kepada sesuatu matlamat akhir yang dirancang. Walaupun hasil pembelajaran tidak dapat ditentukan dan bergantung kepada reaksi dan respon pelajar terhadap sesuatu isu dalam tajuk pengajaran, namun guru perlu

meletakkan objektif yang berbentuk kemahiranyang perlu dicapai pelajar pada akhir pengajaran.

5. Penggunaan bahasa yang dipelajari dalam pentadbiran dan urusan bilik darjah adalah penting bagi menimbulkan suasana pengajaran komunikatif yang akan dijalankan.
6. Galakkan penyertaan pelajar yang aktif dalam proses pembelajaran merupakan inti pati setiap sesi pengajaran menggunakan pendekatan komunikasi ini. Banyakkan juga persembahan dan perbincangan dalam kumpulan yang besar bagi memberi peluang kepada pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran.
7. Penekanan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur diberi keutamaan dalam proses pengajaran. Kemahiran mendengar dengan berkesan jarang ditegaskan dalam pkelas bahasa kerana aaspek pendengaran dianggap mudah dikuasai. Namun, dalam banyak situasi yang sebenar para pelajar masih lemah dalam kemahiran mencerap atau mendengar dengan berkesan.
8. Kesilapan tatabahasa adalah perkara lumrah dalam penggunaan bahasa kedua, malahan dalam kalangan penutur jati sesuatu bahasa dalam berkomunikasi. Jangan jadikan kesilapan penggunaan bahas sebagai satu hukuman kepada pelajar. Sebaliknya gunakan kesilapan bahasa ini sebagai satu peluang untuk pelajar memeperbaiki diri mereka.
9. Pendekatan komunikatif menegaskan aspek kemahiran berkomunikasi bagi individu pelajar dengan persekitarannya. Oleh itu, bahan yang paling rapat dengan persekitaran amat membantu menggerakkan mereka secara aktif dan terlibat dalam proses komunikasi. Bahan yang berkaitan bahasa ibunda mereka juga akan dapat menambahkan minat untuk dibincangkan dalam bahasa yang dipelajari.

10. Begitu juga dengan bahan bacaan yang digunakan, perlulah yang semasa dan sesuai dibincangkan dalam bilik darjah. Hal yang demikian ini tidaklah bermaksud bahan lama tidak boleh digunakan langsung tetapi seharusnya bijak mengaitkannya dengan isu yang hangat diperkatakan.
11. Pendekatan komunikatif juga perlu dilaksanakan dalam situasi yang autentik iaitu berlandaskan keperluan yang sebenar dalam kehidupan harian.
12. Penggunaan alat bantu seperti projektor, LCD, projektor OHP, perakam suara dan pelbagai lagi alat yang lain dapat digunakan oleh guru atau pensyarah bagi melibatkan diri dalam persembahan individu dan kumpulan (Mahzan Arsyad 2008:250-253).

2.5 KAEDAH PENGAJARAN BAHASA

Kaedah ialah langkah-langkah dan peringkat-peringkat yang diatur untuk mengajarkan sesuatu bahasa atau bahagiannya, sesuai dengan pendekatan yang dipegang. Misalnya guru yang berpegang kepada teori yang menganggap bahawa pembelajaran bahasa itu berlaku daripada keseluruhan menuju kepada unsur-unsurnya maka, menurut teori ini seseorang guru itu akan membentuk kaedah pengajaran bahasanya selaras dengan pendekatan yang dipegang (Abdullah Hassan, 1996:114). Kaedah juga disifatkan sebagai satu prosedur yang mengandungi bahan, yang tersusun, yang kita ikuti dalam menyampaikannya, berdasarkan kehendak pendekatan yang telah ditentukan, yang akan dilaksanakan selaras dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Nik Hassan Basri, 2005:102).

2.5.1 Kaedah Terjemahan

Kaedah terjemahan adalah kaedah lama yang digunakan oleh kebanyakan pengajar dan ia juga disebut kaedah klasik (Abdullah Hassan, 1996:69). Kaedah ini dirancang dengan tujuan memberi kemahiran menulis, dan bukan kemahiran bertutur. Oleh itu kaedah ini tidak mementingkan sebutan. Kaedah ini hanya mementingkan ejaan dan penulisan dalam bahasa yang diajarkan. Penggunaan bahasa secara aktif tidak berlaku. Rumusan tatabahasa dijelaskan dengan panjang lebar supaya menjadi pedoman pembentukan ayat-ayat melalui terjemahan. Selalunya yang diutamakan ialah unsur-unsur kekecualian daripada yang lazim dalam bahasa yang dipelajari itu, ataupun tentang unsur-unsur yang selalu disalahgunakan (Abdullah Hassan, 1996:70). Menurut kaedah ini juga, kebanyakan kosa kata adalah diberi pada peringkat awal lagi. Sehubungan dengan itu, terjemahan merupakan cara yang penting untuk mempelajari kosa kata. Kosa kata diberi dalam bentuk senarai yang terasing daripada konteks pemakaiannya. Oleh itu, pelajar dilatih untuk membina ayat dengan berpandukan tatabahasa. Selain itu, pelajar diberi penjelasan tentang tatabahasa secara berasingan dalam bahasa ibunda (Nik Hassan Basri, 2005:134).

Walau bagaimanapun, kaedah ini mempunyai beberapa ciri kebaikan. Antaranya ialah kaedah ini tidak memerlukan perbelanjaan yang besar dan ia amat mudah digunakan. Selain itu pengajar yang tidak mahir dalam sesuatu bahasa juga boleh mengajar bahasa tersebut. Kaedah ini juga boleh mememuatkan seramai mungkin pelajar dalam satu kelas (Abdullah Hassan, 1996:70).

2.5.2 Kaedah Terus

Kaedah terus ini merupakan satu tindak balas awal terhadap kaedah tatabahasa terjemahan yang dibincang di atas tadi. Kaedah terus ini diajar dengan menggunakan satu bahasa sahaja iaitu bahasa matlamat atau yang diajarkan. Bahasa ibunda orang yang mempelajari tidak digunakan kerana menggunakan apa yang dianggap semula jadi seperti kanak-kanak mula belajar (Abdullah Hassan, 1996:71). Oleh kerana bahasa lain tidak digunakan maka pengajaran kata dijalankan dengan menggunakan bahasa yang konkrit supaya pelajar dapat berfikir tentang kata yang diberikan. Manakala aspek tatabahasa akan diajar melalui tunjuk cara dengan contoh-contoh yang diberikan dalam bahan pengajaran.

Menurut Nik Hassan Basri (2005:141) kaedah terus dapat mengatasi dua kesalahan besar yang ada dalam kaedah tatabahasa terjemahan, iaitu menggantikan penghafalan nahu dengan pertembungan bahasa dan menggantikan terjemahan dengan pemakaian bahasa. Idea utama dalam kaedah terus ialah memahami perkataan dan ayat dengan maknanya melalui tunjuk cara, lakonan dan yang lain.

Kaedah ini sangat mementingkan latih tubi, ini kerana pengajaran bahasa akan dimulakan dengan lisan iaitu dengan menunjukkan gambar-gambar atau objek-objek yang konkrit, kemudian pelajar perlu cuba mengikuti dan seterusnya menghafalnya. Oleh itu kelas dengan bilangan pelajar yang kecil adalah digalakkan jika menggunakan kaedah ini supaya dapat memberikan penempunan yang maksimum terhadap seseorang pelajar.

Di antara kelebihan kaedah ini ialah, pelajar dapat menguasai sebutan dan pengujaran dengan baik kerana ia diulang dan dilatih berkali-kali sehingga betul. Selain itu

pengajaran tulisan akan menjadi lebih mudah untuk dikuasai oleh pelajar. Kaedah ini memerlukan masa yang agak panjang kerana (Abdullah Hassan, 1996:72) penjelasan tidak boleh dijalankan dengan kaedah terjemahan. Guru yang fasih dan terlatih sahaja diperlukan untuk menggunakan kaedah ini kerana ia mengutamakan pertuturan yang tepat.

2.5.3 Kaedah Fonetik

Nik Hassan Basri (2005:150) menyebut kaedah fonetik dianggap sebagai kaedah pengajaran bahasa yang saintifik. Kaedah ini dihasilkan untuk mengatasi kekurangan-kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam 'Kaedah Terus'. Kekurangan yang ternyata sekali dalam kaedah terus ialah mencegah secara langsung penggunaan bahasa yang diketahui pelajar. Kaedah ini membenarkan penggunaan bahasa yang telah diketahui oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa baharu. Kaedah ini membandingkan persamaan dan perbezaan bahasa yang telah diketahui oleh pelajar dengan bahasa yang dipelajari dari segi bentuk-bentuk, fungsi, bunyi, struktur ayat dan makna tetapi perbandingan dari segi bentuk dan fungsilah yang lebih diutamakan.

Tambah beliau, kaedah fonetik ini mempunyai dua tujuan, iaitu menggunakan bahasa yang diketahui oleh pelajar untuk mempelajari bahasa baharu dari segi bunyi dan menerangkan perihal nahu berdasarkan perbandingan antara tatabahasa yang dipelajari dengan bahasa yang diketahui. Antara sifat kaedah ini ialah mengutamakan sebutan dan bahasa yang diajar ialah bahasa pertuturan.

Isi dan bahan pengajaran dipilih, dikawal dan disusun berdasarkan penyelidikan dan perbandingan antara bahasa ibunda pelajar dengan bahasa yang diajar. Perbendaharaan

kata dan ayat-ayat yang diajar kepada pelajar disesuaikan dengan keperluan, peringkat umur, jenis dan latar belakang.

2.5.4 Kaedah Dengar-Sebut

Kaedah ini menekankan kemahiran mendengar dan bercakap. Menurut Janudin (2009:92) pendekatan ini bersandarkan kepada penggunaan latihan sebagai kaedah untuk membina kemahiran bahasa secara automatik (menjadi kebiasaan) yang berdasarkan kepada beberapa cadangan pendekatan, bahawa:

- 1) Mempelajari bahasa asing merupakan asas berbentuk amali untuk membina kebiasaan berbahasa. Oleh itu, kebiasaan tersebut perlu diperkukuhkan dengan latihan pengukuhan yang dibentuk dengan cara memberikan jawapan yang betul lebih banyak berbanding jawapan yang salah.
- 2) Pelajar belajar dengan lebih praktikal, iaitu dengan mendahulukan latihan kemahiran bercakap sebelum kemahiran membaca dan menulis.
- 3) Dalam latihan, pencontohan dan perbandingan menjadi asas yang baik untuk membina ayat yang baru berbanding hanya membuat penyelesaian masalah.

Cadangan pendekatan di atas membawa kepada perakuan bahawa pelajar mempelajari bahasa melalui kaedah fonetik terlebih dahulu, iaitu mendengar kemudian bercakap (Janudin, 2009:93).

2.5.5 Kaedah Bacaan

Kaedah ini tidak memerlukan menghafalkan ataupun penggunaan tatabahasa yang secara aktif. Kaedah ini hanya menggunakan bacaan. Membaca hanya memerlukan pelajar mengenal kata-kata yang bertulis dan membacanya. Kaedah ini juga mementingkan

sebutan dan ia tidak memerlukan penghafalan yang rumit. Untuk melatih sebutan pelajar, mereka hanya membaca secara kuat dan nyaring dan pemahaman terhadap teks tidak ditekankan. Kenyataan ini diakui oleh Nik Hassan Basri (2005:140), menurut beliau kaedah ini hanya menghasilkan murid-murid yang dapat membaca buku teks tetapi tidak dapat membaca serta memahami bahan bacaan lain ataupun menghasilkan murid-murid yang boleh membaca tetapi dapat memahami dan bertutur dalam bahasa yang dipelajari. Pembelajaran melalui kaedah ini haruslah menggunakan bahan-bahan bacaan yang diolah dengan baik sesuai dengan umur dan persekitaran pelajar. Kaedah ini juga bertujuan untuk meningkatkan dan memperkembangkan kebolehan membaca serta membolehkan pelajar mempelajari bahasa tanpa menggunakan kaedah terjemahan.

2.5.6 Kaedah Elektik

Kaedah elektik adalah suatu kaedah yang menggabungkan segala ciri yang baik dalam pengajaran bahasa yang terdapat dalam kaedah-kaedah yang lain, jadi kaedah ini mencampurkan unsur-unsur yang tertentu daripada semua kaedah di atas. Ini dilakukan misalnya, dengan menggunakan kaedah terus untuk mengajar sebutan, kaedah terjemahan digunakan pula untuk mengajar makna kata, dan seterusnya kaedah bacaan digunakan untuk melatih bacaan dan sebutan pelajar (Abdullah Hassan, 1996:74). Kaedah ini juga mempertimbangkan keempat-empat kemahiran bahasa iaitu bercakap, menulis, memaham dan membaca dengan memberi keutamaan kepada bahasa lisan terlebih dahulu (Nik Hassan Basri, 2005:155).

2.6 TEORI PEMBELAJARAN BAHASA

Pembelajaran ialah satu proses penerimaan oleh seseorang yang dikenali sebagai pelajar atas satu-sat umaklumat atau pengetahuan yang mengakibatkan perubahan tingkah lakunya yang progresif. Malahan, pembelajaran akan membolehkan seseorang itu mencapai maklumat tertentu dan memenuhi cita-cita. Di samping itu, dalam situasi normal seperti di bilik darjah, pembelajaran merupakan proses dua hala antara pengajar dan pelajar yang berlaku secara terancang (Nik Hassan Basri, 2005:105).

2.6.1 Teori Behaviouris

Teori behaviouris ini dipelopori oleh tokoh-tokoh psikologi seperti Pavlov, Thorndike, Hull dan Skinner. Mereka ini menganggap pembelajaran sebagai satu proses mekanis bagi membentuk sesuatu kebiasaan. Ahli-ahli behaviouris berpendapat bahawa terdapat perhubungan antara satu rangsangan dengan gerak balas. Sesuatu gerak balas yang betul akan diulangi jika diikuti dengan ganjaran. Gerak balas yang diikuti oleh peneguhan yang positif juga akan diulangi. Gerak balas yang sering diulangi akan membentuk satu kebiasaan (Nik Hassan Basri, 2005:86).

Ahli-ahli pegangan teori ini juga berpendapat pengaruh persekitaran penting dalam proses pembelajaran. Menurut Nik Hassan Basri (2005:86), sesuatu ujaran terbentuk kerana adanya rangsangan dalam bentuk-bentuk bahasa atau bukan bahasa. Contohnya, seseorang kanak-kanak bertutur kerana ada orang yang bercakap dengannya ataupun kanak-kanak itu sendiri perlu bercakap untuk memenuhi keperluan-keperluan asasnya seperti hendakkan makanan dan minuman dan sebagainya lagi.

Ciri-ciri pembelajaran menurut teori ini ialah:

- i. Pembelajaran ialah satu proses mekanis yang terjadi daripada perhubungan antara rangsangan dan gerak balas.
- ii. Sesuatu gerak balas akan diulangi jika diikuti dengan ganjaran.
- iii. Sesuatu gerak balas yang diikuti dengan peneguhan yang positif juga akan lebih sering diulangi.
- iv. Sesuatu gerak balas yang diulangi akan membentuk kebiasaan.

2.6.2 Aplikasi Teori Behaviouris Dalam Bahan Pengajaran

Ibrahim Abdullah (2003:22) menyebut teori Behaviouris jika diaplikasi dalam bahan pengajaran mestilah dikaitkan dengan kerja-kerja penyusunan bahan pengajaran bahasa, maka isi kandungan bahan pengajaran yang disediakan mestilah melengkapinya secukupnya bagi keperluan pelajar serta dapat merangsangkan pelajar. Dengan kata lain, bahan pengajaran merupakan rangsangan yang dapat mengembangkan kemampuan bahasa pelajar. Setiap bahan pengajaran bahasa mestilah dapat menghadkan percakapan guru di dalam bilik darjah. Peranan guru ialah membimbing serta memberi rangsangan semoga pelajar akan bertindak dengan melakukan latihan yang berterusan.

2.6.3 Teori Kognitif

Nik Hassan Basri (2005:93) menyatakan kognitif ialah penyesuaian terhadap objek-objek yang ada dalam lingkungannya, yang merupakan proses interaksi yang dinamik. Proses kognitif ini merangkumi aspek-aspek persepsi, ingatan pemikiran, simbol dan pemecahan masalah. Antara pengkaji teori ialah Noam Chomsky, Piaget, Robert Lee, George A. Miller dan Kohler.

Teori ini menekankan bahawa pembelajaran ialah proses mental. Proses mental melibatkan seseorang kanak-kanak menyerapkan atau menyesuaikan pengetahuan yang sedia ada dalam otaknya dengan data-data yang diperoleh daripada persekitaran. Pembelajaran sesuatu konsep akan hanya terjadi apabila seseorang kanak-kanak telah mencapai taraf kematangan yang tertentu.

Ciri-ciri pembelajaran daripada teori Kognitif ialah:

- i. Pembelajaran ialah satu proses mental.
- ii. Semua pelajar dapat mempelajari pelbagai perkara kerana kebolehan untuk berbuat demikian.
- iii. Pelajar mempelajari benda-benda sebagai satu golongan dahulu dan kemudian dia mengetahui bahagian yang lain.

2.6.4 Aplikasi Teori Kognitif Dalam Bahan Pengajaran

Antara perkara yang penting untuk mengaplikasi teori Kognitif dalam bahan pengajaran ialah:

- 1) Bahan pengajaran haruslah menunjukkan panduan penggunaan bahan tersebut.
- 2) Teks, grafik dan gambar yang dipersembahkan mestilah memberi perkaitan dengan maklumat kandungan bahan pengajaran.
- 3) Latihan yang diberikan mampu meningkatkan ingatan pelajar terhadap sesuatu pelajaran yang dipelajari.
- 4) Kandungan bahan pengajaran haruslah bersifat pengulangan bagi memberi pengukuhan terhadap kognitif.

2.7 BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, bahan pengajaran memainkan peranan dalam menyampaikan mesej pengajaran, Bahan pengajaran mestilah bersesuaian dengan tujuan dan objektif pengajaran. Pemilihan dan penyusunan kandungan bahan pengajaran haruslah dititikberatkan supaya proses pembelajaran akan lebih berkesan.

2.7.1 Pemilihan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran

Pemilihan ditakrifkan sebagai proses mencari bahan yang bersesuaian dengan pengajaran bahasa. Kamarudin Hj Husin (1998) menyatakan pemilihan bahan-bahan pengajaran dibuat berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i) Bahan-bahan mestilah sesuai dengan pelajar-pelajar berdasarkan minat dan kebolehan mereka.
- ii) Bahan mestilah mempunyai hubungan dan pengalaman.
- iii) Pemilihan perkataan, rangkai kata dan ayat-ayat berdasarkan umur, persekitaran dan penggunaan pembelajaran.
- iv) Pemilihan mestilah berdasarkan panduan yang diberi dalam sukatan pelajaran.
- v) Bahan-bahan tidak bertentangan dengan dasar kerajaan.
- vi) Pilih perbendaharaan kata yang berdasarkan kumpulan perbilangan kata.

Menurut Howatt (dipetik dari Mansoer Pateda, 1991:63) pemilihan bahan haruslah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- i) Bahan-bahan mestilah bersifat operasional dengan guru dapat mengenal pasti kekeliruan yang dibuat oleh pelajar.

- ii) Bahan-bahan mestilah bersesuaian dengan jenis aktiviti bahasa.
- iii) Bahan-bahan mestilah bersesuaian kepada pelajar.

Mansoer Pateda (1991:63) berpendapat bahan-bahan mestilah membolehkan pelajar mengembangkan dan memperkayakan kehidupan sebenarnya dengan menerapkan sikap dan nilai hidup yang sihat.

Selain itu, Sidek Mohd Noah (2005:121) menyebut Russell (1974) dalam pemilihan bahan pengajaran, pembina modul haruslah mengambil kira faktor-faktor berikut seperti bilangan pelajar, umur, tahap pendidikan, kebolehan membaca, kecerdasan, pencapaian terdahulu dan latar belakang pelajar.

Manakala bahan pembelajaran pula memerlukan aktiviti atau gerak kerja tertentu seperti gerak kerja berbincang dalam satu kumpulan, membuat uji kaji dan sebagainya (Sidek Mohd Noah, 2005). Menurut beliau lagi sesuatu bahan pembelajaran merangkumi segala penjelasan isi-isi penting dan contoh-contoh yang menggunakan media, rujukan buku dan sebagainya.

Oleh itu, dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pula pemilihan bahan haruslah menepati tujuan dan objektif. Selain itu haruslah bersesuaian dengan minat, kebolehan dan keupayaan pelajar itu sendiri bagi memastikan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

2.7.2 Penyusunan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran

Penyusunan bahan pengajaran bermaksud proses menyusun isi-isi kandungan selepas proses mencari bahan seperti dinyatakan di atas. Penyusunan ini penting supaya pengajaran dapat dilaksanakan dengan lebih terancang.

Susunan bahan-bahan pengajaran dapat mengelakkan pengajaran berlaku secara melompat-lompat atau lintang-pukang seperti tidak terancang (Kamarudin Hj Husin, 1998). Penyusunan bahan menurut beliau adalah seperti berikut:

- i. Susun mana yang patut didahulukan dan yang mana satu pula dikemudiankan
- ii. Susun mana yang hendak disampaikan pada peringkat permulaan, pada peringkat penyampaian dan pada peringkat penutup
- iii. Susun mengikut mana yang perlu disampaikan melalui lisan, bacaan atau gerak kerja bertulis
- iv. Susun mana yang perlu menggunakan alat-alat bantuan mengajar, jenis-jenis alat yang hendak digunakan dan tidak perlu menggunakan alat.

Di samping itu, bahan yang disusun juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk memperbaiki potensinya dalam berbahasa. Penyusunan bahan juga mestilah bersesuaian dengan kemampuan pelajar (Mansoer Pateda 1991:67).

Abdullah Hassan (1996:136) menegaskan konsep susunan adalah perkara yang perlu diketahui sebelum kita menulis bahan tersebut. Biasanya tujuan dan objektif kursus tersebut akan dapat diperolehi daripada sukatan pelajaran berkenaan. Begitu juga, kaedah yang digunakan juga perlulah diketahui oleh mereka yang menulis bahan pengajaran tersebut.

Proses penyusunan yang baik dapat menghasilkan satu bahan pengajaran yang bermutu dan bersesuaian dengan pelajar dan pengajar, serta mencapai tujuan yang hendak dicapai di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa (Ibrahim Abdullah, 2003).

2.7.3 Penyusunan Kandungan Kursus Menurut Komunikatif

Tujuan utama pengajaran dan pembelajaran bahasa berasaskan pendekatan ini ialah murid-murid boleh menggunakan bahasa yang sesuai untuk tujuan komunikasi. Oleh itu penggunaan bahasa diberi perhatian dan keutamaan di samping kegunaan bahasa. Pembelajaran bahasa itu disusun berdasarkan fungsi komunikasi (Kamarudun Hj Husin, 1998). Terdapat pelbagai cara yang terdapat di dalam proses penyusunan bahan pengajaran. Oleh kerana kajian ini lebih tertumpu kepada pengajaran bahasa Arab komunikasi maka di sini akan dijelaskan beberapa kerangka penyusunan menurut komunikatif (Ibrahim Abdullah, 2003).

Littlewood (dipetik dari terjemahan Juriah Long, 1992:103) telah menyatakan beberapa kerangka dalam proses penyusunan kandungan bahan pengajaran iaitu susunan struktural fungsian, susunan fungsian, susunan nasional susunan berdasarkan tajuk dan konsep gabungan.

2.7.3.1 Susunan Struktural Fungsian

Sesuatu bahan pengajaran dapat disusun dalam unit-unit yang berdasarkan fungsi komunikatif yang penting tanpa meninggalkan penggredan struktural bahasa yang diajar. Bagaimanapun, bentuk linguistik untuk fungsi-fungsi yang berbeza mestilah mudah dan urutan fungsi disesuaikan secara berhati-hati supaya pelajar-pelajar masih dapat belajar struktural secara berperingkat.

Dalam konteks pengajaran bahasa Arab, pelajar perlu didedahkan dengan urutan fungsi komunikatif. Fungsi ini termasuklah bertanya khabar, bertanyakan nama seseorang, bertanyakan sesuatu dan sebagainya. Bahasa yang digunakan menggunakan struktur yang mudah dan ringkas. Kecekapan fungsi ini juga membolehkan pelajar membina ayat-ayat baru selagi sesuai dengan maknanya tercapai.

2.7.3.2 Susunan Fungsian

Dalam susunan ini, unit-unit kursus akan memfokuskan kepada fungsi-fungsi komunikatif yang penting sahaja seperti membuat tawaran, meminta izin, memberi ucapan selamat dan sebagainya. Setiap fungsi diwakili oleh satu lingkungan bentuk bahasa yang dipilih berdasarkan kepentingan komunikatif serta ketetapan sosialnya dan bukan berdasarkan strukturnya.

2.7.3.3 Susunan Nasional

Dalam sukatan pelajaran, istilah *nasion* selalu dirujuk kepada konsep umum seperti lokasi, nombor, kepunyaan, kuantiti, sebab munasabah atau masa yang perlu dinyatakan oleh pelajar. Dalam susunan nasional ini, pelajar akan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang memerlukan mereka bercakap tentang peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam unit-unit tertentu. Contohnya, untuk menunjukkan pelbagai cara bagi menyatakan “ masa yang lepas”. Para pelajar yang terlibat di dalam aktiviti yang memerlukan mereka bercakap mengenai peristiwa yang berlaku pada masa yang telah lepas.

2.7.3.4 Susunan Berdasarkan Tajuk

Menyusun kandungan berdasarkan tajuk-tajuk ialah di mana pelajar-pelajar harus dilatih untuk menghadapinya seperti sukan, politik, agama, moral, cuti, rumah, makanan, permainan, fesyen, hiburan, seni dan sebagainya. Setiap unit menyatakan bahasa serta pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan bidang tajuk di atas. Aktiviti tersebut termasuklah bacaan, kefahaman mendengar, perbincangan dan main peranan.

2.7.3.5 Konsep Gabungan

Dalam Penyusunan kandungan menurut komunikatif, konsep gabungan mana-mana satu cara yang disebutkan di atas yang difikirkan sesuai boleh dilakukan. Contohnya menggabungkan susunan fungsian dan nasional atau susunan berdasarkan tajuk dan fungsian (Ibrahim Abdullah, 2003).

2.8 PENILAIAN

Ng See Ngesan (1991:67) mendefinisikan penilaian sebagai satu proses yang sistematik bagi menentukan objektif dan kriteria yang digunakan untuk membuat keputusan atau kehakiman, pengutipan maklumat yang relevan, pemprosesan maklumat, pembentukan kesimpulan yang relevan dan yang memenuhi tujuan penilaian.

Abdullah Hassan (1996:166) memberi maksud istilah penilaian sebagai satu proses sistemis atau hasil sesuatu rancangan pengajaran-pembelajaran bahasa dengan memeriksa dan menilainya untuk melihat sama ada objektif tertentu ditetapkan, tercapai atau tidak.

Kamarudin Hj Husin (1998) memberi takrif penilaian sebagai satu aktiviti atau proses yang sistematik bagi mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran.

2.8.1 Tujuan Penilaian

Abu Bakar Nordin (1986) menyatakan tujuan penilaian untuk melihat pencapaian murid. Dengan itu guru-guru dapat mengetahui setakat mana usaha-usaha mereka itu berjaya.

Ng See Ngean (1991) menegaskan peranan penilaian telah diperluaskan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pendidikan. Penilaian adalah dibuat dalam pelaksanaan satu program atau skim pengajaran atau satu rawatan atau satu eksperimen masa aktiviti itu dijalankan. Penilaian dibuat kerap kali sama ada objektif akan dicapai, atau tidak.

Sidek Mohd Noah (2005:120) menyebut Mok Soon Sang (1993) menyatakan tujuan penilaian bukan untuk membuat perbandingan di antara pelajar, tetapi untuk mengukur kemajuan dan perkembangan pelajar serta mengesan kelemahan pengajaran pembelajaran dan menggunakan bahan-bahan pengajaran seperti penggunaan modul.

Russell (dipetik dari Sidek Mohd Noah, 2005:121) menyatakan tujuan utama penilaian modul ialah untuk mengukur kesempurnaan dan keberkesanan sesuatu modul.

Selain itu Abdullah Hassan (1996:168) menegaskan antara lain tujuan penilaian ialah:

i) Pemilihan Calon

Penilaian dilakukan untuk memilih calon bagi berbagai-bagai jurusan pelajarnya dan pekerjaan.

ii) Untuk mengawasi mutu pelajaran

Penilaian dilakukan untuk memperbaiki mutu pengajaran.

iii) Makluman balik kepada pelajar

Penilaian ini memberi kesan yang besar kepada pelajar kerana ia dapat membantu pelajar mengetahui kelebihan dan kelemahannya, dan menunjukkan bagaimana hendak membaiki kelemahan.

iv) Makluman balik kepada guru

Penilaian ini bagi menjelaskan keberkesanan pengajaran guru itu. Dengan cara ini dapat membantu guru membaiki teknik pengajarannya.

Ridzuan Ahmad (1990:136) menyebut antara tujuan penilaian adalah:-

i) Membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

ii) Memberi rangsangan (melalui deria) untuk menimbulkan kegiatan bahasa.

iii) Menimbulkan minat belajar dengan memberikan keseronokan.

iv) Belajar dan terus belajar.

2.8.2 Proses Penilaian

Penilaian adalah satu perkara penting bagi menjamin keberkesanan proses serta amalan pendidikan. Tujuan penilaian diperlukan bagi menentukan rujukan, pengadilan, pertukaran mahupun perbandingan (Al-Khuli, 1992).

Abdul Razak Abu (dipetik dari Azharudin (2005:89) menyebut penilaian terhadap modul berdasarkan kriteria berikut:

- 1) Tujuan buku ditulis.
- 2) Kesesuaian dari segi kandungan.
- 3) Pengolahan buku.
- 4) Penggunaan bahan.
- 5) Ilustrasi dan reka bentuk.

Selain itu, menurut Azharudin (2005:91) menegaskan dalam kajiannya kriteria dalam penilaian berdasarkan aspek-aspek seperti berikut:

- 1) Kandungan.
- 2) Persembahan.
- 3) Ilustrasi .
- 4) Latihan.
- 5) Kemahiran berbahasa.

Dalam kajian ini pengkaji telah merangkumkan beberapa aspek di atas kepada dua bahagian. Kajian ini akan melakukan proses penilaian berdasarkan kriteria berikut:

i. Kandungan

Menurut Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011) bahawa kandungan sesuatu modul ataupun buku teks merupakan aspek utama yang perlu dititikberatkan oleh penulis dalam menyampaikan inti pati dan hasrat kurikulum melalui bahan yang dibina. Ciri-ciri kandungan yang terbaik ialah:

1. Penentuan dan penyusunan tajuk-tajuk perlulah bertepatan dengan kehendak standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah ditetapkan.

2. Skop dan kedalaman isi kandungan meliputi pengetahuan dan kemahiran yang dijelmakan daripada standard pembelajaran.
3. Kandungan bahan yang disediakan perlulah berdasarkan pengalaman pelajar dari dekat ke jauh, mudah ke sukar dan dari konkrit ke abstrak yang meliputi persekitarannya.
4. Bahan kandungan mestilah berasaskan faktor-faktor seperti umur, jantina, pengalaman pelajar, latar belakang pelajar, latar belakang masyarakat dan masa.
5. Menggalakan murid untuk membaca, mencari maklumat dan membuat rujukan.
6. Bahan yang ditulis mestilah bermakna dan memberi ilmu pengetahuan.
7. Teks yang disediakan juga mestilah mengandungi unsur-unsur memupuk budaya ilmu dan nilai yang merentas kurikulum.
8. Pengolahan bahan perlulah dilakukan dengan baik dan berkesan. Ini bermakna kepelbagaian pendekatan dan kaedah pengajaran perlu ditonjolkan dalam setiap unit.
9. Latihan yang disediakan mempunyai arahan yang jelas, tepat dan mudah difahami.
10. Latihan dapat membantu dalam menguasai pengetahuan, kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang telah ditetapkan.
11. Bahasa yang digunakan mudah, betul dan jelas.
12. Menggunakan laran bahasa Arab baku dan gaya yang menarik dan sesuai dengan kumpulan sasar.

ii. Persembahan

Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011) menyatakan persembahan perlulah mengikut keperluan strategi pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran perlu diambil kira. Azharudin (2005:95) menambah cara atau stail penulisan, susunan kandungan, kaedah penyampaian dan penggabungjalinan bahan serta persembahan perlulah menarik dan bersesuaian dengan pelajar dan mata pelajaran berkenaan. Teknik persembahan juga mestilah sesuai dengan prinsip pembelajaran. Faktor yang perlu diberi perhatian dalam mempersembahkan bahan pengajaran kepada pelajar ialah ilustrasi. Ilustrasi ataupun bahan grafik amat penting bagi membantu pelajar memahami dan mengukuhkan ingatan mereka terhadap pembelajaran.

Menurut Mahzan Arshad (2008:305) penampilan sesebuah buku teks ataupun modul banyak dibantu oleh persembahan bahan grafik. Banyak kajian yang telah dilakukan bagi melihat kesan bahan grafik terhadap pemahaman pelajar terhadap kandungan teks. Bahan grafik juga dapat menterjemahkan maksud sesuatu konsep yang sukar difahami menerusi bahasa bertulis. Menurut Bahagian Buku Teks (2011) bahan grafik seharusnya mempunyai ciri-ciri yang jelas, berfokus, menarik, menggambarkan isi kandungan, bermakna serta berfungsi menerangkan teks, mengukuhkan maksud teks atau memberi maklumat tambahan. Selain itu juga penggunaan warna yang sesuai amat penting bagi merangsang murid untuk belajar.

Penggunaan ikon atau petunjuk khas yang tekal dalam sesebuah buku teks banyak membantu pelajar ketika melaksanakan aktiviti dalam bilik darjah. Contohnya, petunjuk khas ini menjadikan sesebuah buku itu mesra pengguna kerana pelajar mudah merujuk dari satu halaman ke halaman yang lain dengan mudah tanpa membuang masa. Ikon juga memudahkan pelajar dalam mengenal pasti arahan bagi sesuatu aktiviti yang perlu dilaksanakan (Mahzan Arshad, 2008:305).

2.9 PENUTUP

Dalam bab ini pengkaji telah menyatakan definisi modul menurut beberapa tokoh-tokoh bahasa. Selain itu, turut dibincangkan ialah prinsip pengajaran dan pembelajaran yang meliputi pendekatan pengajaran, kaedah pengajaran serta teori pembelajaran bahasa. Bab ini juga turut membincangkan tentang penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Di akhir bab pengkaji telah menyentuh tujuan penilaian dan proses penilaian yang harus dilakukan. Huraian bab ini sangat penting kepada pengkaji kerana ia menjadi pengukur serta sebagai landasan teori kepada proses analisis kajian yang dilakukan.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3 PENDAHULUAN

Dalam bab ini membincangkan metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Metodologi ini membantu bagi memudahkan pengkaji bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Selain itu ia membantu proses kajian ini berjalan dengan lancar. Dalam bab ini perkara-perkara yang berkaitan dengan metodologi akan dibincangkan, ia merangkumi pemilihan model penilaian, persampelan, instrumen kajian serta proses pengumpulan data.

3.1 MODEL PENILAIAN CIPP

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan satu model penilaian iaitu berdasarkan Model C.I.P.P (*context, input, process, product*). Model ini yang diperkenalkan oleh Daniel L.Stufflebeam pada tahun 1971 telah banyak digunakan oleh ramai pengkaji lain kerana ia lebih mudah serta komprehensif dan memenuhi kehendak dalam penilaian yang berorientasikan kepada objektif. Model ini juga dilihat membantu para pengkaji mengetahui langkah-langkah yang dibuat dalam proses penilaian terhadap modul.

Berdasarkan model ini, proses penilaian akan memberi fokus kepada empat jenis aspek ataupun keputusan data yang dikumpul iaitu keputusan mengenai persekitaran atau konteks (*context*), keputusan mengenai sumber (*input*), keputusan mengenai pelaksanaan (*process*) dan yang terakhir keputusan mengenai hasil (*product*).

Seseorang pengkaji boleh menggunakan keempat-empat jenis aspek di atas ataupun salah satu daripadanya (L.Stufflebeam, 1984).

Pengkaji menggunakan keempat-empat aspek di atas bagi mengaitkan kesemua aspek tersebut dalam kajian yang dijalankan. Ia bertujuan untuk menentukan kesemua aspek yang digunakan mencapai tujuan dan matlamat serta objektif yang telah ditetapkan. Menurut L.Stufflebeam (1984) bahawa konsep C.I.P.P ini adalah berdasarkan pandangan bahawa tujuan yang paling penting dalam penilaian adalah bukan untuk membuktikan, tetapi untuk memperbaiki dan mempertingkatkan.

3.1.1 Penilaian Konteks (*Context*).

Dalam kajian ini penilaian konteks adalah tertumpu kepada tujuan penulisan modul yang diguna pakai oleh pensyarah dan pelajar. Bagi menentukan tahap keberkesanan sesuatu modul, penilaian konteks memainkan peranan penting bagi memastikan sukatan sesuatu kurikulum itu bertepatan dengan dengan objektif yang digariskan. Dalam penilaian konteks juga ia digunakan untuk mengetahui kelebihan serta kelemahan yang dimiliki oleh sesuatu modul. Ia turut menggambarkan dan memperincikan keperluan yang diabaikan contohnya ia digunakan untuk menilai kurikulum yang tidak menepati objektifnya. Oleh itu ia agar ia boleh membantu dalam usaha penambahbaikan.

3.1.2 Penilaian Sumber (*Input*)

Penilaian sumber dalam kajian ini adalah tertumpu kepada kandungan dan persembahan yang disediakan dalam modul ini. Ia bertujuan bagi melihat kandungan yang diberikan

adalah jelas dan bersesuaian dengan objektif yang telah ditetapkan. Penilaian sumber ini juga melihat reaksi pelajar terhadap persembahan yang diberikan. Kesesuaian dalam penyusunan kandungan serta pemilihan persembahan yang menarik mampu memberi kesan yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran.


3.1.3 Penilaian Proses (*Process*)

Kajian ini melihat proses yang digunakan untuk mencapai matlamat dan objektif modul ini. Untuk tujuan itu, maklumat yang perlu diketahui dalam penilaian proses ini ialah kaedah dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi matapelajaran bahasa Arab. Ia juga untuk melihat penglibatan pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

3.1.4 Penilaian Hasil (*Product*)

Penilaian ini memfokuskan hasil dan keberkesanan penggunaan modul yang digunakan oleh pensyarah dan pelajar. Ia juga melihat tahap minat pelajar setelah menggunakan modul ini. Hasil yang diperolehi membantu dalam usaha pemurnian dan penambahbaikan modul ini.

Secara keseluruhannya penggunaan model C.I.P.P dapat dilihat dalam kerangka konseptual kajian menerusi rajah di bawah.

INPUT	PROSES PENILAIAN MODUL BAHASA ARAB - BAB130 <i>AL-‘ARABIYYAT LI AL-SIYĀHAT</i>				OUTPUT
Modul Bahasa Arab- BAB130 Model penilaian	C (Context)	I (Input)	P (Process)	P (Product)	Dapatan soal selidik Keberkesanan penggunaan modul Cadangan dan penambahbaikan
	Objektif dan Kelebihan dan Kelemahan	Kandungan dan persembahan	Strategi pembelajaran dan pengajaran	Keberkesanan	
	 <p style="text-align: center;">Kaedah Kualitatif Kaedah Kuantitatif</p>				

Rajah 3.1: Aplikasi Model CIPP Dalam Kajian

Berdasarkan rajah di atas menunjukkan aplikasi model CIPP dalam kajian ini. Kaedah kualitatif akan digunakan pada peringkat awal kajian. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penilaian konteks(C) serta penilaian proses(P).

Manakala untuk mendapat maklumat berkenaan penilaian sumber (I) dan penilaian proses (P), pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah soal selidik digunakan

bagi mendapat keputusan data berkaitan kandungan, persembahan dan keberkesanan penggunaan modul.

3.2 SAMPEL KAJIAN

Kaedah persampelan telah digunakan bagi memudahkan proses pengumpulan data. Kaedah ini merupakan strategi di mana penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Maklumat yang diperolehi ini sangat penting untuk memperolehi maklumat yang berkaitan dengan penilaian sumber (I) dan penilaian proses (P). Sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

3.2.1 Pelajar Diploma UiTM

Kajian ini melibatkan seramai 43 pelajar diploma dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi Mara cawangan Melaka yang mengikuti kursus bahasa Arab peringkat diploma. Kursus bahasa Arab yang ditawarkan kepada pelajar adalah tahap pertama (bahasa Arab untuk tujuan Pelancongan I / BAB130). Para pelajar akan mengikuti kursus bahasa Arab selama satu semester. Proses pembelajaran yang mengikuti kursus ini adalah selama 14 minggu dengan tempoh pertemuan 4 jam seminggu. Ini bererti mereka yang mempelajari kursus ini akan menjalani selama 56 jam sepanjang satu semester. Para pelajar yang menduduki kursus ini akan menggunakan modul Bahasa Arab untuk Pelancongan sebagai sumber utama proses pembelajaran. Mereka ini juga terdiri daripada latar belakang serta pengalaman belajar bahasa Arab yang berbeza.

3.2.2 Pensyarah Bahasa Arab UiTM

Kajian ini juga melibatkan sebanyak 3 orang pakar iaitu terdiri daripada pensyarah yang berpengalaman dalam pengajaran dan penyediaan modul dipilih secara rawak sebagai sampel.

3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan untuk memperolehi data adalah seperti berikut:

3.3.1 Modul Bahasa Arab Untuk Pelancongan

Dalam kajian ini Modul Bahasa Arab untuk Pelancongan dijadikan sumber teras kajian. Modul ini digunapakai sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran untuk subjek Bahasa Arab. Penilaian terhadap modul adalah untuk mengkaji kesesuaian kandungan dan persembahan untuk tujuan pelancongan. Selain itu pengkaji akan mengkaji pemilihan kosa kata, tema yang diberikan serta frasa yang digunakan adalah bertepatan dengan objektif yang telah disasarkan. Hasil daripada penilaian ini dijadikan panduan dan rujukan untuk proses pemurnian agar lebih menepati keperluan pelajar.

3.3.2 Borang Soal Selidik

Instrumen yang kedua bagi mendapatkan data ialah penggunaan borang soal selidik. Borang soal selidik bertujuan bagi mendapatkan maklum balas dari responden. Borang soal selidik ini diedarkan selepas sesi pembelajaran. Sebelum borang soal selidik

diedarkan, penyediaan borang soal selidik telah dilakukan terlebih dahulu. Langkah-langkahnya adalah seperti berikut:

- 1) Penyediaan borang soal selidik berdasarkan item yang dikehendaki oleh pengkaji.
- 2) Penilaian soal selidik dari penyelia.
- 3) Mengedarkan borang soal selidik kepada responden selepas selesai sesi pembelajaran dan pengajaran.
- 4) Mengumpulkan borang soal selidik daripada responden.
- 5) Data yang diperolehi akan diproses dengan menggunakan SPSS
- 6) Analisis data
- 7) Perbincangan serta kesimpulan.

Pengkaji telah membahagikan borang soal selidik ini kepada empat bahagian.

Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Bahagian Pertama: Adalah maklumat latar belakang responden. Untuk borang soal selidik pelajar bahagian yang pertama akan membincangkan tentang maklumat latar belakang responden. Antaranya item yang ditanya adalah:
 - i) Jantina.
 - ii) Umur.
 - iii) Latar belakang pendidikan bahasa Arab.
 - iv) Tujuan mempelajari bahasa Arab.

Manakala bahagian pertama bagi borang soal selidik responden yang terdiri daripada pensyarah adalah:

- i) Jantina
- ii) Latar belakang pengalaman mengajar

- 2) Bahagian Kedua: Bahagian ini adalah pernyataan tentang ciri-ciri kandungan modul yang digunakan. Item yang akan disentuh adalah objektif, kandungan, tema atau tajuk, tatabahasa dan latihan.
- 3) Bahagian Ketiga: Bahagian ketiga pula akan menyentuh berkenaan persembahan modul yang digunakan. Aspek yang ditekankan adalah reka bentuk, bahan grafik, susunan dan panduan penggunaan.
- 4) Bahagian Keempat: Bahagian yang terakhir adalah penilaian terhadap keberkesanan penggunaan modul ini. Ia adalah berkaitan tentang penggunaan bahasa Arab yang digunakan, kemampuan untuk berkomunikasi serta minat pelajar terhadap kandungan dan persembahan yang diberikan.

Jawapan yang disediakan adalah berdasarkan 4 Skala Likert yang terdiri daripada tidak setuju, sangat tidak setuju, setuju dan sangat setuju.

3.4 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data. Kaedah ini penting supaya kajian ini dapat dilakukan secara tersusun dan sistematik. Kaedah yang digunakan ialah

1. Analisis kandungan modul
2. Analisis borang soal selidik

3.4.1 Analisis Kandungan Modul

Dalam kajian ini, data yang pertama diperolehi adalah melalui analisis kandungan modul. Analisis ini bagi mendapatkan objektif penyediaan modul serta strategi pembelajaran dan pengajaran digunakan. Ia turut mengkaji kesesuaian pemilihan

perkataan, tema dan tajuk yang digunakan dalam modul tersebut. Selain itu juga pengkaji akan mengkaji pengajaran tatabahasa yang diterapkan dalam modul ini. Sebelum melakukan analisis kandungan modul, pengkaji mengumpul maklumat dan rujukan daripada artikel dan jurnal yang berkaitan.

3.4.2 Analisis Soal Selidik

Kaedah kuantitatif digunakan untuk mendapatkan data melalui borang soal selidik. Borang soal selidik akan disediakan terlebih dahulu sebelum diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah. Data yang diperolehi merupakan sumber utama dalam kajian ini.

3.5 KAEDAH ANALISIS DATA

Data-data yang diperolehi daripada borang selidik akan dianalisis dengan menggunakan pakej bantuan analisis statistik iaitu pengaturcaraan *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS). Keputusan data akan dibentangkan dalam bentuk jadual. Ia juga akan dipersembahkan dalam bentuk peratusan dan min yang telah ditetapkan. Data-data yang diperolehi akan dibincangkan serta dibuat kesimpulan.

3.6 PENUTUP

Jelasnya di sini kajian ini telah memilih model C.I.P.P sebagai model proses penilaian terhadap modul. Pemilihan model ini banyak membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat selaras dengan objektif kajian ini. Kajian ini hanya melibatkan pelajar diploma Fakulti Pengurusan Perhotelan (FPP) Universiti Teknologi Mara cawangan

Melaka serta tiga orang pensyarah. Selain itu penggunaan program SPSS juga banyak membantu pangkaji untuk memproses data yang diperolehi daripada soal selidik.

BAB EMPAT

MODUL BAHASA ARAB – BAB 130 *AL-‘ARABIYYATT LI AL-SIYĀHATT*.

4 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan menganalisis modul pengajaran bahasa Arab dengan mengambil kira teori dan prinsip yang telah dibincangkan. Modul yang digunakan ialah Modul Bahasa Arab – BAB 130 *al-‘Arabiyyatt li al-Siyāhatt*.

4.1 MODUL BAHASA ARAB – BAB 130 *AL-‘ARABIYYATT LI AL-SIYĀHATT*

Modul yang dikaji ialah Modul Bahasa Arab – BAB 130 *Al-‘Arabiyyatt li al-Siyāhatt*. Modul ini diguna pakai oleh pelajar-pelajar peringkat diploma yang memilih bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kod kursus bagi mata pelajaran ini ialah BAB 130. Modul ini hanya dikhaskan kepada pelajar-pelajar Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan yang mengikuti program diploma sepenuh masa sahaja.

Pembelajaran modul ini memberi fokus kepada bahasa Arab untuk tujuan khas iaitu pelancongan. Dalam kursus ini pelajar akan didedahkan tentang terminologi, frasa, ayat dan perbualan yang berkaitan dengan pelancongan. Ia juga merangkumi unsur-unsur budaya seperti berurusan, jual beli, komunikasi dan aktiviti-aktiviti pelancongan.

Selain itu, pelajar juga didedahkan dengan sebutan huruf Arab yang betul, perkataan-perkataan Arab yang mudah terutamanya yang berkaitan dengan ucapan-ucapan harian

serta cara membuat ayat yang mudah. Pelajar juga dilatih menulis huruf-huruf ayat dengan betul, mendengar ungkapan-ungkapan dan membaca perkataan-perkataan yang mudah (Pusat Bahasa UiTM:2001).

4.2 OBJEKTIF PENYEDIAAN BAHAN PENGAJARAN

Terdapat beberapa objektif utama dalam penyediaan bahan pengajaran ini, antaranya:

- i. Pelajar boleh menguasai ekspresi dan perbendaharaan Arab yang digunakan dalam tujuan pelancongan.
- ii. Pelajar boleh berkomunikasi dan memahami ungkapan dalam pelancongan.
- iii. Pelajar mampu membaca dan memahami teks yang berkaitan dengan pelancongan.
- iv. Pelajar boleh menguasai unsur-unsur budaya Arab.
- v. Pelajar dapat menguasai penggunaan tatabahasa seperti yang dipelajari

4.3 STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pemilihan pendekatan dan kaedah pengajaran yang bersesuaian amat penting bagi memastikan pembelajaran yang lebih berkesan. Pemilihan pendekatan dan kaedah ini adalah berkait rapat dengan objektif dan matlamat penyediaan bahan pengajaran. Dalam kajian ini didapati modul ini menggunakan pendekatan dan kaedah berikut berdasarkan ciri-ciri yang bersesuaian:

1) Pendekatan pengajaran.

Pendekatan yang digunakan dalam modul ini ialah pendekatan pengajaran secara induktif. Melalui pendekatan ini, setiap topik dalam dalam setiap unit diberikan contoh-contoh dahulu menerusi teks dialog mahupun teks petikan, kemudian barulah disertakan huraian berkaitan dengan contoh-contoh seterusnya diberikan penjelasan dan kesimpulan berdasarkan contoh yang diberikan. Pendekatan ini amat berkesan untuk mengajar bahasa Arab untuk tujuan pelancongan kerana ia mempunyai sistem tatabahasa yang tersusun dan rapi.

Selain itu pendekatan komunikatif juga diterapkan dalam modul ini. Ini kerana pendekatan komunikatif menekankan empat kemahiran bahasa iaitu membaca, mendengar, bertutur dan menulis. Pendekatan ini juga menyarankan supaya pelajar-pelajar diberi peluang menggunakan bahasa itu dalam konteks dan situasi sosial yang sebenar terutamanya untuk tujuan pelancongan. Dengan cara ini ia mampu meningkatkan tahap kemampuan dan kemahiran pelajar serta menjadikan pelajar berupaya berkomunikasi dengan bahasa Arab dengan lebih baik.

2) Kaedah pengajaran.

Kaedah pengajaran yang digunakan dalam modul ini ialah kaedah terjemahan. Menerusi kaedah ini bahasa ibunda digunakan untuk membantu pelajar memahami konsep tatabahasa. Apabila penggunaan tatabahasa diajar dengan menggunakan bahasa ibunda ia memudahkan pelajar untuk menguasainya

dengan baik. Kaedah pengajaran secara terjemahan juga mudah untuk memberi penerangan tentang kosa kata yang sukar dan abstrak. Selain itu kaedah ini dipilih oleh penulis kerana modul yang digunakan ini mempunyai pelajar yang pelbagai latar belakang dan tahap sama ada cemerlang, sederhana dan lemah.

Selain itu modul ini juga menggunakan kaedah sebut dan ajuk. Ia juga dikenali sebagai dengar dan sebut. Ini kerana kaedah ini mementingkan dua kemahiran iaitu mendengar dan bercakap. Menerusi kaedah ini pelajar akan mendengar dahulu sebutan dari pensyarah kemudian barulah pelajar mengikutnya. Kaedah ini sangat sesuai digunakan kerana modul ini menyediakan teks-teks dialog sebagai isi pelajaran.

3) Pembelajaran secara latih tubi dan tutorial.

Penulis modul ini telah menggunakan pembelajaran secara latih tubi dan tutorial. Pendekatan ini dipilih kerana ia bersifat bimbingan daripada pensyarah. Ia juga mewujudkan suasana pembelajaran secara dua hala agar pelajar tidak berasa bosan. Latihan-latihan yang disediakan di dalam modul ini memberi peluang kepada pelajar untuk memahami serta meningkatkan kefahaman mereka terhadap apa yang dipelajari.

4.4 KANDUNGAN MODUL

Modul Bahasa Arab – BAB 130 *Al-'Arabiyyatt li al-Siyāhatt* ini hanya mempunyai satu juzuk sahaja. Modul ini merangkumi 9 unit dan setiap unit merangkumi tajuk-tajuk

yang khas. Tajuk-tajuk perbualan yang terdapat dalam modul ini dinyatakan seperti di dalam jadual di bawah.

Unit Pelajaran	Tajuk	Penguasaan Pelajar
Pertama أَلُو، مَنْ عَلَى الْخَطِّ	المكالمة الهاتفية مع عامل التلُّون	Menguasai perbualan telefon.
	المكالمة الهاتفية مع وكالة السفر	Perbualan dengan agensi pelancongan.
	المكالمة الهاتفية مع الموظف	Perbualan dengan syarikat penerbangan.
Kedua أَهْلًا وَسَهْلًا	على متن الطائرة	Perbualan di dalam kapal terbang.
	الحوار مع أفراد الطاقم	Perbualan dengan pramugara dan pramugari.
	في المطار	Perbualan di lapangan kapal terbang.
Ketiga أَيُّ خِدْمَةِ	الحوار الأول	Perbualan bersama pemandu teksi.
	الصِّرافه	Perbualan bersama pengurup wang.
	مع الصِّرافِ	
Keempat أَخْبِرْنِي عَنِ الْفُنْدُقِ	في شُبَّاكِ الإِسْتِعْلَامَاتِ	Perbualan di kaunter pertanyaan.
	هَلْ عِنْدَكُمْ عُرْفَةٌ خَالِيَةٌ	Perbualan untuk bertanya mengenai hotel dan
	في العُرْفَةِ	bersama pembantu hotel.

<p>Kelima</p> <p>وَجِبَةٌ شَهِيَّةٌ</p>	<p>الْحِوَارِ الْأَوَّلِ</p>	<p>Perbualan untuk menempah makanan.</p>
	<p>الشُّكْوَى</p>	<p>Perbualan untuk membuat aduan mengenai makanan.</p>
	<p>الدَّفْعُ</p>	<p>Perbualan ketika membayar bil makanan.</p>
<p>Keenam</p> <p>مَاذَا تَقْرَبُ لَنَا؟</p>	<p>دَاخِلَ الْمَرْكَزِ السِّيَاحِيِّ</p>	<p>Perbualan untuk meminta cadangan ke tempat pelancongan.</p>
	<p>الْأَمَاكِنَ السِّيَاحِيَّةَ</p>	<p>Perbualan di tempat pelancongan dan zoo.</p>
	<p>حَدِيقَةَ الْحَيَوَانَ</p>	
<p>Ketujuh</p> <p>مَا أَجْمَلٌ مَالِيزِيَا</p>	<p>جَبَلِ كِينَابَالُو</p>	<p>Perbualan di tempat pelancongan di Malaysia</p>
	<p>مُرْتَفَعَاتِ كَامَبُرُونِ فُولُو فِينَعِ / جَزِيرَةِ اللُّؤْلُؤَةِ</p>	
<p>Kelapan</p> <p>هِيَآ نَتَسَوَّقُ</p>	<p>فِي السُّوقِ الْمَرْكَزِيِّ</p>	<p>Perbualan semasa membeli belah di super market, di pasar malam dan di kedai elektronik</p>
	<p>فِي سُوقِ اللَّيْلِ</p>	
	<p>فِي الْمَحَلَّةِ الْإِلِكْتُرُونِيَّةِ</p>	
<p>Kesembilan</p> <p>مَا أَحْلَى " الْبَاتِيكِ "</p>	<p>مَا أَحْلَى " الْبَاتِيكِ "</p>	<p>Perbualan mengenai budaya di Malaysia seperti batik dan juga barangan kraf tangan.</p>
	<p>فِي مَرْكَزِ كَرْيَانِكَا لِلصَّنَاعَاتِ الْيَدَوِيَّةِ</p>	
	<p>الْحِرْفَةَ الْيَدَوِيَّةِ</p>	

Jadual 4.1: Senarai unit dan tajuk yang terdapat dalam modul BAB 130

Jadual di atas menerangkan tentang setiap unit pelajaran yang terdapat dalam modul. Modul ini mengandungi 9 unit pelajaran. Setiap unit akan dihuraikan seperti di bawah.

Unit Pertama:

Tajuk bagi unit pertama ialah **أَلْو، مَنْ عَلَى الْخَط** yang bermaksud 'Hello, Siapa Di Talian!'. Dalam unit ini disertakan tiga teks yang berkaitan dengan perbualan telefon seperti berbual dengan agensi pelancongan dan pegawai syarikat penerbangan. Kemahiran bahasa yang diterapkan dalam modul ini seperti kemahiran membaca, mendengar, menulis dan berkomunikasi. Di akhir bab disediakan latihan untuk pelajar sebagai pemahaman dan pengukuhan terhadap bahan yang dipelajari.

Unit Kedua:

Tajuk unit kedua ialah **أَهْلًا وَسَهْلًا** yang bermaksud 'Selamat Datang'. Unit ini akan memberi gambaran tentang perbualan ketika di dalam kapal terbang. Tajuk 'Selamat Datang' adalah ungkapan yang diberikan oleh pramugara ataupun pramugari bagi mengalu-alukan kedatangan pelancong yang menggunakan perkhidmatan mereka. Pelajar akan didedahkan dengan perbualan di lapangan kapal terbang dan perbualan dengan pramuraga dan pramugari di dalam kabin kapal terbang. Latihan turut disediakan di akhir bab yang menerapkan keempat-empat kemahiran bahasa.

Unit Ketiga:

Dalam unit ini pelajar akan didedahkan dengan kosa kata yang berkaitan dengan perkhidmatan. Tajuk yang diberikan ialah **أَيُّ خِدْمَةٍ** yang bermakna 'Ada Perkhidmatan'. Perkhidmatan yang dimaksudkan di sini ialah pelawaan seseorang untuk memberikan perkhidmatan. Pelajar akan menguasai perbualan dengan pegawai pengurup wang untuk

menukar wang serta dengan pemandu teksi untuk pergi ke sesuatu lokasi. Latihan juga dimuatkan dalam bab ini dengan pelbagai bentuk latihan.

Unit Keempat:

أَخْبِرْنِي عَنِ الْفُنْدُقِ merupakan tajuk bagi unit yang keempat. Tajuk ini bermaksud ‘Beritahu Saya Tentang Hotel’. Pelajar akan didedahkan kosa kata dan perbualan yang berkaitan dengan hotel. Teks dialog dalam bab ini dimulakan dengan perbualan di kaunter untuk bertanya tentang perkhidmatan hotel serta bilik yang disediakan di hotel tersebut. Kemudian diikuti dengan perbualan bersama pembantu hotel bagi meminta pertolongan. Latihan yang disediakan adalah latihan berkaitan dengan unit ini.

Unit Kelima:

Unit ini akan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan situasi di tempat makan seperti di restoran dan di kantin. Tajuknya ialah وَجِبَةٌ شَهِيَّةٌ yang bermaksud ‘Hidangan Yang Lazat’. Perkataan tentang makanan, minuman dan rasa makanan disentuh dalam unit ini. Perbualan tentang menempah makanan, aduan tentang makanan serta pembayaran diajar kepada pelajar. Ia akan memberi gambaran sebenar ketika berurusan di restoran nanti. Di akhir bab ini disertakan latihan bagi menguatkan ingatan pelajar.

Unit Keenam:

Tajuk unit keenam ialah مَاذَا تَقْرَأُ لَنَا؟ yang bermaksud ‘Apakah Cadangan Awak Kepada Kami’. Dalam bab ini akan pelajar diajar bagaimana mencadangkan sesuatu idea untuk pergi ke tempat pelancongan. Selain itu, teks dialog akan menyentuh cara untuk bertanya dan meminta cadangan ke tempat pelancongan. Seperti bab yang sebelumnya latihan juga disediakan yang menerapkan keempat-empat kemahiran bahasa.

Unit Ketujuh:

مَا أَجْمَلَ مَالِيْرِيَا yang bermaksud 'Alangkah Cantiknya Malaysia'. Dalam bab ini menceritakan tentang keindahan Malaysia yang mempunyai pelbagai tempat menarik untuk dilawati. Dalam bab ini pelajar akan didedahkan dengan kosa kata melalui perbualan yang berkaitan tempat pelancongan di Malaysia seperti di Gunung Kinabalu, Pulau Pinang dan Cameron Highland. Latihan yang disediakan akan adalah berkaitan dengan kosa kata yang diajar di dalam bab ini.

Unit Kelapan:

Dalam unit yang kelapan ini adalah mengenai setuasi ketika membeli-belah. Bersesuaian dengan tema pelancongan yang tidak dapat lari daripada membeli-belah. Tajuk bagi unit ialah هِيَا نَتَسَوَّقُ yang bermaksud 'Marilah Membeli-belah'. Pelajar akan didedahkan tentang perbualan di pusat membeli-belah seperti pasar besar, kedai elektronik dan pasar malam. Pelajar akan diajar bagaimana untuk bertanya harga, menawar harga dan sebagainya. Di akhir bab disediakan latihan yang pelbagai untuk pelajar sebagai pemahanan dan pengukuhan terhadap ape yang dipelajari.

Unit Kesembilan:

Unit ini adalah unit yang terakhir dalam modul ini. Apa yang diterapkan dalam unit ialah budaya Malaysia yang mempunyai pelbagai barang dan hasil kraf yang tidak terdapat di negara lain. Antara yang diberi fokus adalah batik. Dengan sebab itu tajuk bagi unit ialah " مَا أَحْلَى الْبَاتِيك " yang bermaksud 'Alangkah Cantiknya Batik'. Petikan yang disediakan adalah berkaitan dengan barangan kraf tangan seperti batik, songket, tikar mengkuang dan sebagainya. Latihan juga disediakan dalam bab ini.

4.5 SUSUNAN MODUL PELANCONGAN

Modul Bahasa Arab – *Al-‘Arabiyyatt li al-Siyāhāt* disusun berdasarkan susunan komunikatif. Modul ini disusun berdasarkan konsep gabungan iaitu Susunan Fungsian digabungkan dengan Susunan Berdasarkan Tajuk.


Dalam Susunan Berdasarkan Tajuk, setiap unit disusun berdasarkan tajuk-tajuk yang penting. Setiap unit menyatakan tajuk yang berkaitan dengan konteks pelancongan serta pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan bidang tajuk di atas. Aktiviti tersebut termasuklah bacaan, kefahaman mendengar, dan perbincangan.

Dalam Susunan Fungsian pula, unit-unit kursus akan memfokuskan kepada fungsi-fungsi komunikatif yang penting seperti meminta maaf, membuat tawaran, meminta izin, memberi ucapan selamat dan sebagainya yang bersesuaian dengan tajuk-tajuk dalam setiap unit.

Secara umum, modul ini disusun berdasarkan kepada tiga bahagian iaitu Perbualan atau Petikan, *al-Mufradāt* (المفردات) dan *al- Tadrībāt* (التَّدْرِيبَات).

1. Teks perbualan atau petikan: Teks adalah berkaitan dengan tajuk-tajuk yang terpilih. Setiap unit akan disertakan dengan tiga teks sama ada perbualan atau petikan yang disertai dengan pengajaran kosa kata. Ia juga disertakan latihan-latihan yang berkaitan dengan perbualan atau petikan tadi.
2. *Al-Mufradāt*: Glosari ringkas Arab-Melayu bagi membantu pelajar menjelaskan perkataan-perkataan yang sukar.
3. *Al-Tadrībāt*: Latihan-latihan yang disediakan untuk pelajar. Ia dilakukan sama ada di kelas atau di rumah dengan bimbingan pensyarah. Setiap unit akan

disertakan lima latihan yang menerapkan kemahiran-kemahiran seperti mendengar, bertutur, menulis dan membaca.



Rajah 4.1 : Rajah Susunan Modul Bahasa Arab – BAB 130 *Al-‘Arabiyyatt li al-Siyāhatt.*

Rajah di atas menunjukkan pembahagian modul pengajaran bahasa Arab Bab 130 secara umum. Pembahagian terdiri daripada perbualan, *al-mufradāt* dan *al-tadrībāt* serta penerapan kemahiran bahasa yang berkaitan. Susunan modul ini adalah adalah teratur dan sama untuk setiap unit.

4.6 PENGAJARAN ISTILAH NAHU DALAM SETIAP TAJUK

Oleh kerana Modul Bahasa Arab – *Al-‘Arabiyyatt li al-Siyāhatt* berkonsepkan komunikatif, pengajaran istilah nahu tidak diterangkan secara terperinci. Pengajaran istilah nahu diajar secara langsung melalui perbualan atau petikan yang diberikan. Istilah nahu yang diterapkan ialah:

1. Kata nama (اسم)
2. Kata kerja (فعل)
3. Partikel (حرف)

4.6.1 Pengajaran Istilah Nahu Asas Berdasarkan Kata Nama

Pengajaran istilah nahu asas berdasarkan kata nama diterapkan dalam modul ini.

Antaranya:

1. Kata nama khas (اسم المَعْرِفَةِ)
2. Kata nama am (اسم النَّكِرَةِ)
3. Kata nama maskulin (مذكر)
4. Kata nama feminin (مؤنث)
5. Kata nama tunggal (مفرد)
6. Kata nama dua (مثنى)
7. Kata nama banyak (جمع)
8. Subjek dan predikat (مبتدأ وخبر)
9. Subjek (فاعل)

10. Objek (مَفْعُول)
11. Ganti nama (ضَمِير)
12. Kata tunjuk (إِسْمُ الْإِشَارَةِ)
13. Kata penyambung (الإِسْمُ الْمَوْضُول)
14. Kata tanya (إِسْمُ الْإِسْتِفْهَام)
15. Kata sandaran (الإِضَافَةُ)

A. Penerapan nahu melalui tajuk-tajuk pelajaran dalam teks

Bil	Istilah Nahu	Tajuk Pelajaran (Unit)								
		1	2	3	4	5	6	7	8	9
1	إِسْمُ الْمَعْرِفَةِ	√	√	√	√	√	√	√	√	√
2	إِسْمُ التَّكْرِيرِ	√			√	√	√	√	√	√
3	مُذَكَّر	√	√	√	√	√	√	√	√	√
4	مُؤَنَّث	√	√	√	√	√			√	√

5	مُفْرَد	√	√	√	√	√			√	√
6	مُثَنَّى			√		√	√			
7	جَمْع	√	√	√	√	√	√	√		√
8	مُبْتَدَأٌ وَخَبَرٌ	√	√	√	√	√		√	√	√
9	فَاعِلٍ			√	√	√	√		√	√
10	مَفْعُول	√	√		√	√	√		√	√
11	ضَمِير	√	√	√	√	√	√		√	√
12	إِسْمُ الإِشَارَةِ		√	√	√	√		√	√	
13	الإِسْمُ المَوْصُول			√		√				√
14	إِسْمُ الإِسْتِفْهَام	√	√	√	√	√	√	√	√	√
15	الإِضَافَةُ			√	√	√	√	√	√	√

Jadual 4.2: Senarai taburan tajuk nahu yang diterapkan pada setiap tajuk pelajaran

Dalam jadual 4.2 adalah penerapan istilah nahu yang terdapat dalam modul ini. Ia diajar secara langsung dan dijelaskan secara ringkas seperti yang terdapat dalam setiap tajuk pelajaran.

B. Penerapan Ganti nama bersambung dan berpisah pada kata kerja dan kata nama

Bil	Istilah Nahu الضَّمِيرُ الْمُتَّصِلُ / الضَّمِيرُ الْمُتَفَصِّلُ	Tajuk Pelajaran (Unit)								
		1	2	3	4	5	6	7	8	9
1	هُوَ		√		√	√	√	√	√	√
2	هُمَا									
3	هُمْ						√			√
4	هِيَ	√	√	√	√		√			
5	هُمَا									
6	هُنَّ									√
7	أَنْتَ	√	√	√	√	√	√	√	√	√
8	أَنْتُمَا									
9	أَنْتُمْ	√	√	√		√	√		√	√
10	أَنْتِ		√		√	√	√			
11	أَنْتُمَا									

12	أَنْتَ									
13	أَنَا	√	√	√	√	√	√	√	√	√
14	نَحْنُ		√		√	√	√			

Jadual 4.3: Senarai taburan penggunaan ganti nama bersambung dan berpisah dalam setiap tajuk pelajaran.

Jadual 4.3 menunjukkan penggunaan gantinama bersambung الضَّمِيرِ الْمُتَّصِلِ dan gantinama berpisah الضَّمِيرِ الْمُتَفَصِّلِ yang terdapat pada kata nama dan kata kerja.

Gantinama ini diterapkan sepanjang pengajaran bahasa dalam tajuk setiap pelajaran.

Penggunaan gantinama saya أَنَا dan awak (maskulin) أَنْتَ sering kali diterapkan dalam setiap teks perbualan. Manakala gantinama dia berdua هُمَا , awak berdua

dan awak (banyak/ feminin) أَنْتُمْ tidak diterapkan dalam pengajaran. Gantinama

awak (feminin) أَنْتِ pula tidak diterapkan dalam unit satu. Ia hanya mula

diperkenalkan dalam unit dua seterusnya unit empat, lima dan enam. Seharusnya penggunaan gantinama awak sama ada lelaki ataupun perempuan mestilah seimbang di dalam pengajaran kerana ia sangat penting untuk berkomunikasi.

4.6.2 Pengajaran Istilah Nahu Asas Dalam Kata Kerja

Istilah nahu asas dalam kata kerja diajar dalam modul ini. Istilah nahu yang berkaitan dengan kata kerja ialah:

1. Kata kerja kala lampau (الفِعْلُ الْمَاضِي)
2. Kata kerja kala kini (الفِعْلُ الْمُضَارِع)
3. Kata kerja suruhan (فِعْلُ الْأَمْرِ)

Bil	Istilah Nahu الفِعْلُ	Tajuk Pelajaran (Unit)								
		1	2	3	4	5	6	7	8	9
1	الفِعْلُ الْمَاضِي		√	√		√	√	√	√	
2	الفِعْلُ الْمُضَارِع	√	√	√	√	√	√	√	√	√
3	فِعْلُ الْأَمْرِ	√		√	√	√	√		√	

Jadual 4.4 : Jadual penerapan istilah nahu asas dalam kata kerja yang terdapat dalam setiap tajuk pelajaran untuk setiap unit.

Dalam jadual 4.4 menunjukkan penggunaan kata kerja dalam modul ini. Didapati hanya kata kerja kala kini sahaja diterapkan dalam setiap unit. Secara umum, semua kata kerja digunakan secara menyeluruh dalam teks perbualan dan petikan kesemua unit.

4.6.3 Pengajaran Istilah Nahu Asas Dalam Partikel

Istilah nahu asas dalam partikel yang diajar dalam modul ini ialah:

1. Partikel Sendi (حُرُوفُ الْجُرِّ)
2. Partikel Larangan (حُرُوفُ النَّفْيِ)
3. Partikel Nasab (حُرُوفُ النَّصْبِ)
4. Partikel Jazam (حُرُوفُ الْجَزْمِ)
5. Partikel Ataf (حُرُوفُ الْعَطْفِ)

Bil	Istilah Nahu الحَرْفُ	Tajuk Pelajaran (Unit)								
		1	2	3	4	5	6	7	8	9
1	حُرُوفُ الْجُرِّ	√	√	√	√	√	√	√	√	√
2	حُرُوفُ النَّفْيِ				√	√				
3	حُرُوفُ النَّصْبِ	√					√	√		√
4	حُرُوفُ الْجَزْمِ			√				√		
5	حُرُوفُ الْعَطْفِ	√	√	√	√	√	√	√	√	√

Jadual 4.5: Jadual penerapan nahu asas dalam partikel yang terdapat dalam setiap tajuk pelajaran untuk setiap unit.

Jadual 4.5 menjelaskan penggunaan partikel dalam perbualan dan petikan yang terdapat dalam modul ini. Daripada jadual di atas didapati hanya partikel sendi dan ataf diterapkan dalam setiap unit. Manakala partikel larangan dan partikel jazam cuma

disentuh sebanyak 2 kali. Masing-masing dalam unit empat dan lima untuk partikel larangan dan unit tiga dan tujuh untuk partikel jazam. Partikel nasab dapat dilah pada unit pertama, enam, tujuh dan sembilan.

4.7 PEMILIHAN PERKATAAN DALAM PENGAJARAN KOSA KATA

Dalam Modul Bahasa Arab – BAB 130 *Al-‘Arabiyyatt li al-Siyāhatt* ini, pemilihan kosa kata adalah berkaitan dengan tujuan dan matlamat penulisan iaitu pelancongan. Pemilihan kosa kata ini bertujuan bagi memudahkan lagi proses pemerolehan bahasa terhadap pelajar dan seterusnya untuk mencapai objektif yang telah digariskan. Maka dengan itu, dalam kajian ini pengkaji hanya akan menumpukan kosa kata yang berkaitan dengan pelancongan sahaja.

4.7.1 Kosa Kata Yang Menunjukkan Kata Nama

Perkataan yang dipilih dalam modul ini menunjukkan pada makna (isim) ataupun kata nama. Kata nama yang dimaksudkan ialah perkataan yang tidak terikat dengan masa yang tertentu dan ia terdiri daripada manusia, tumbuh-tumbuhan, binatang, benda dan jenis-jenis perkataan lain yang ada kaitan dengan isim (Ibrahim Abdullah, 2003:95). Dalam modul ini kata nama yang berkaitan dengan pelancongan diperkenalkan dengan jelas bermula dari unit satu lagi. Ia meliputi perkataan di lapangan kapal terbang, hotel, tempat pertukaran wang, restoran, makanan dan minuman, tempat pelancongan dan sebagainya. Terdapat lebih 400 perkataan yang berkaitan dengan pelancongan dalam modul ini. Antaranya ialah:

kunci	مِفْتَاح	lapang terbang	مَطَار
dewan	قَاعَة	hidangan	وَجَبَات
ayam	دَجَاج	hotel	فُنْدُق
salad	سَلْطَة	pengurup wang	صَرَافَة
jem	مُرَبِّي	pulau	جَزِيرَة
tiket	تَذْكَرَة	telefon bimbit	حَوَال
pasport	جَوَازُ السَّفَر	kapal terbang	طَائِرَة
visa	تَأْشِيرَة	stesen	مَحْطَة
mata wang	عُمْلَة	kad	بِطَاقَة
trolis	عَرَبِيَة	katil	سَرِير

4.7.2 Kosakata Yang Menunjukkan Kata Kerja

Kata kerja ialah sesuatu perbuatan yang memberi makna tertentu dan menunjukkan pada masa tertentu seperti makna telah berlaku, sedang berlaku, akan berlaku dan makna arahan ataupun suruhan. Kata kerja yang menunjukkan makna sedang berlaku ataupun kata kerja kala kini telah mula diterapkan pada unit pertama hingga unit kesembilan. Antara kata kerja kala kini adalah seperti berikut:

pasti	يَتَأَكَّد	mencuba	يُجَاوِل
datang	يَخْضُر	menghubungi	يَتَّصِل
bersiar-siar	يَتَجَوَّل	mahu	يُرِيد
menempah	يَحْجِز	mengetahui	يَعْرِف
melancong	يُسَافِر	menolong	أُسَاعِدُ
masuk	يَدْخُل	bercakap	يَتَكَلَّم
menaiki	يَرْكَب	meliputi	يَشْمِل

memberi	يُعْطِي	berjalan	يَمْشِي
membayar	يُدْفَع	pergi	يَذْهَبُ
mencadangkan	يُقْتَرَحُ	meminta	يَطْلُبُ
suka	يُحِبُّ	melawat	يُزُورُ
berterima kasih	يَشْكُرُ	mampu	يَسْتَطِيعُ
membeli	يَشْتَرِي	memerlukan	يَحْتَاجُ
makan	يَأْكُلُ	menetap	يُثَبِّتُ
minum	يَشْرَبُ	tinggal	يَبْقَى
menggunakan	يَسْتَعْمِدُ	mewarnakan	يُصْبِغُ

Manakala kata kerja yang menunjukkan makna telah berlaku ataupun kata kerja kala lampau dapat dilihat dari unit ketiga hingga unit kesembilan ialah:

telah datang	حَضَرَ	telah tahu	عَرَفَ
telah lawat	زَارَ	telah melihat	رَأَى
telah beli	اشْتَرَى	telah sampai	وَصَلَ
telah mengambil	اِتَّهَمَ	telah melancong	سَافَرَ
telah litah	شَاهَدَ	telah letak	وَضَعَ
telah beri tahu	أَخْبَرَ	telah pergi	ذَهَبَ
telah main	لَعِبَ	telah minta	طَلَبَ
telah pakai	لَبَسَ	telah makan	أَكَلَ
telah basuh	عَسَلَ		

4.7.3 Kosa Kata Yang Menunjukkan Arahkan

Arahan-arahan yang sesuai untuk tujuan pelancongan telah digunakan dalam modul ini. Arahan-arahan yang diberikan adalah ringkas, mudah difahami dan bersesuaian dengan realiti kehidupan sebenar pelajar. Pengkaji telah menyenaraikan semua kosa kata yang menunjukkan arahan yang terdapat dalam modul ini. Kesemua perkataan diambil dari teks dialog, petikan dan bahagian latihan pada setiap unit pelajaran. Perkataan ini mula dilihat dari unit pertama lagi.

sambungkan	صِلْ	bacalah	اقْرَأْ
beritahu	أَخْبِرْ	ulang	رَدِّدْ
maaf	اسْمَحْ	katakanlah	قُلْ
berikan	أَعْطِ	betulkan	صَحِّحْ
pilih	اخْتَرْ	sususkan	رَتِّبْ
minta	اطْلُبْ	berikan	هَاتِ
berlaku	دَارْ	terjemahkan	تَرْجِمْ
letakkan	ضَعْ	tulis	اُكْتُبْ
lengkapkan	اكْمِلْ	jawab	اجِبْ
isi	امْلَأْ	masukkan	ادْخُلْ
lihat	انظُرْ	belok	لُفْ

4.7.4 Kosa Kata Yang Menunjukkan Partikel Jar

Kosa kata partikel *jar* telah diperkenalkan kepada pelajar bermula dari pelajaran pertama lagi. Kosa kata ini sering digunakan dalam perbualan seharian dan terdapat dalam dialog atau petikan dan latihan-latihan yang diberikan. Kata Partikel yang terdapat dalam modul ini ialah:

di / pada	فِي	daripada	مِنْ
dengan	بِ	ke/ kepada	إِلَى
untuk	لِ	daripada/ tentang	عَنْ
atas	عَلَى		

4.7.5 Kosa Kata Yang Menunjukkan Penomboran

Di dalam modul ini pengajaran penomboran disediakan di bahagian ulangkaji. Perkataan yang menunjukkan nombor terdapat pada unit pertama, unit keenam serta unit kelapan. Contoh yang terdapat dalam modul ini ialah:

satu	وَاحِدٍ
sebelas	أَحَدَ عَشَرَ
sembiliah puluh	تِسْعُونَ
seratus	مِائَةٌ
dua puluh dua	إِثْنَانِ وَعِشْرُونَ
tujuh ratus tiga	سَبْعِمِائَةٍ وَثَلَاثَةٌ

4.7.6 Kosa Kata Yang Konkrit

Kosa kata konkrit adalah perkataan yang melambangkan benda dan boleh dilihat dengan mata kepala sendiri. Oleh itu pembelajaran bahasa akan lebih mudah kerana ia dapat dilihat oleh pelajar itu sendiri. Antara contoh perkataan yang konkrit

sudu	مِلْعَقَةٌ
beg	حَقِيْبَةٌ
taman	حَدِيْقَةٌ
mata wang	عُمْلَةٌ
apartmen	شَقَّةٌ
tasik	بَحِيْرَةٌ
buah-buahan	فَوَاكِه
surat	رِسَالَةٌ
kanak-kanak	طِفْلٌ
bandar	مَدِيْنَةٌ
bilik	عُرْفَةٌ

4.7.7 Kosa Kata Yang Abstrak

Kosa kata Abstrak mula diajar dengan jelas bermula unit pertama lagi. Perkataan abstrak ialah yang tidak dapat dilihat dengan mata kepala sendiri. Perkataan abstrak biasanya akan diapit oleh perkataan konkrit untuk memberikan makna yang lebih lengkap dan tepat. Antaranya ialah:

sibuk	مَشْغُولٌ
ada	مَوْجُودٌ
teruk	سَيِّئٌ
luas	وَاسِعَةٌ
tangguh	مُؤَجَّلَةٌ
ditempah	مَحْجُوزَةٌ
banyak	كَثِيْرَةٌ

4.7.8 Kosakata Yang Menunjukkan Makna Pertanyaan

Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu, contohnya mengapa, berapa, bila dan bagaimana, (Nik Safiah Karim, 2011:255). Antara kata tanya yang digunakan dalam modul ini ialah:

adakah	هَلْ
apakah	مَاذَا
mengapa	لِمَاذَا
berapa	كَمْ
bagaimana	كَيْفَ
bila	مَتَى
di mana	أَيْنَ
siapa	مَنْ

4.7.9 Kosakata Yang Menunjukkan Peminjaman

Di dalam modul ini, terdapat juga kata yang dipinjam dari perkataan asing. Menurut (Nik Safiah Karim, 2011:324) menyatakan kata pinjaman merujuk kepada cara pembentukan kata adalah dengan mengambil istilah daripada bahas asalnya dan penyesuaian dibuat pula pada bahagian bunyi dan ejaan. Sejumlah kata pinjaman yang terdapat dalam modul ini ialah:

Transit	تَرَانِزِيْت
internet	الْإِنْتَرْنِيْت
cek	شَيْك
sabun	صَابُون
telepon	تَلْفُون
krim karamel	كْرِيْم كَرَامِل
bufet	بُوفِيَه
nescafe	نِسْكَافِيَه
pizza	پِيْزَا
biskut	بِسْكَوِيْت
berger	بَرْغَرْ
chalet	شَالِيَه
batik	الْبَاتِيْك
songket	سُونْغَكِيْت
mengkuang	مَنْكُوَانْغ

4.7.10 Kosa Kata Yang Membawa Makna Maskulin Dan Feminin

Terdapat juga dalam modul ini perkataan yang menunjukkan maskulin dan feminin. Perkataan-perkataan ini merangkumi kata nama, kata kerja, ganti nama dan sebagainya. Perkataan-perkataan yang dipilih adalah menurut kesesuaian dan ketepatan di dalam struktur ayat. Antaranya ialah:

tingkap	نَافِذَة
visa	تَأْشِيرَة
kabin	قَمَرَة

kad	بِطَاقَة
bantal	مُخَدَّة
dia (perempuan)	هِيَ
kertas	وَرَقَة
cik / puan	سَيِّدَة
hidangan	وَجِبَة
kereta	سَيَّارَة
jeruk	مُخَلَّل
jambatan	جِسْر
lampu	مِصْبَاح
cerek	إِبْرِيْق
cawan	فِنْجَان
Jus	عَصِيْر
teh	شَاي
stadium	إِسْتَاد
pisang	مَوْز
timun	خِيَار

4.7.11 Kosakata Yang Menunjukkan Mata Wang

Pelajar juga didedahkan dengan perkataan yang berkaitan dengan mata wang. Pembelajaran ini sangat bertepatan dengan matlamat utama penulisan modul ini bagi memberi gambaran sebenar bila mereka pergi untuk melancong nanti terutamanya apabila berurusan dengan pengurup wang. Antaranya ialah:

ringgit	رِيْنِكِيْت
---------	-------------

yen	يِين
pound	جُنَيْه
dinar	دِينَار
dolar	دُولَار
bath	بَات
wun	وُون

4.7.12 Kosa Kata Yang Menunjukkan Kata Tunggal Dan Kata Ganda

Kata nama tunggal ialah perkataan yang terdiri daripada satu morfem bebas sahaja, dan perkataan yang demikian boleh masuk ke dalam ayat sebagai perkataan yang lengkap (Nik Safiah Karim, 2011:104) manakala kata ganda ialah proses penggandaan untuk melahirkan makna banyak. Terdapat banyak perkataan yang menunjukkan kata tunggal dan kata ganda di dalam modul ini, antaranya ialah:

perjalanan	جَوَلَات	جَوَلَة
hidangan	وَجَبَات	وَجَبَة
nombor	أَرْقَام	رَقْم
hotel	فَنَادِق	فُنْدُق
tiket	تَذَاكِر	تَذْكُرَة
hari	أَيَّام	يَوْم
pulau	جُزُر	جَزِيرَة
gunung	جِبَال	جَبَل
tempat	أَمَاكِن	مَلَاكِن
sungai	أَنْهَار	نَهْر

4.7.13 Ungkapan Perbualan Untuk Tujuan Pelancongan

Kosa kata yang menunjukkan ungkapan perbualan yang berkaitan dengan pelancongan banyak diterapkan dalam modul ini. Pengajaran ungkapan tersebut dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam berkomunikasi terutamanya dalam pelancongan. Ia diajar dalam setiap pelajaran. Antaranya:

meminta maaf	<u>لِلْأَسْفِ</u>
perbualan telefon	<u>أَلُو مَنْ مَعِي</u>
bertanya tempat	لَوْ سَمَّحْتَ، أَيْنَ الْمَرْحَاضِ؟
memberi pertolongan	<u>أَيُّ خِدْمَةٍ؟</u>
meminta pertolongan	<u>أَحْتَاجُ إِلَى الْمُسَاعَدَةِ</u>
ekspresi takjub	يَا سَلَام
membuat tempahan	هَلْ عِنْدَكُمْ.....؟
bertanya harga	<u>بِكَمْ هَذَا؟</u>
meminta potongan harga	هَلْ هُنَاكَ <u>خَصْمٌ؟</u>
ucapan terima kasih	<u>شُكْرًا يَا سَيِّدِي</u>
ekspresi mengeluh	يَا خَسَارَةَ
meminta sesuatu	أَعْطِنِي.....
menafikan sesuatu	هَذَا لَيْسَ <u>طَلْبِي</u>
menunjukkan sesuatu	<u>هَا هُوَ بَاقِي الْفُلُوسِ</u>
ungkapan melarang	لَا <u>تَشْرَبْ يَا عَمِّي</u>

4.8 PENUTUP

Dalam bab ini telah membincangkan tentang kajian Modul Bahasa Arab – BAB 130 *Al-'Arabiyyatt li al-Siyāhatt* berdasarkan teori dan prinsip yang telah disebutkan dalam bab yang kedua. Pengkaji telah menerangkan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam modul ini. Kajian menunjukkan modul ini menggunakan pendekatan pengajaran secara induktif dan komunikatif. Terdapat dua kaedah pengajaran yang telah diterapkan iaitu kaedah terjemahan dan kaedah sebut dan ajuk. Modul ini disusun berdasarkan susunan komunikatif. Dalam bab ni juga turut membincangkan pengajaran istilah nahu dan pemilihan perkataan berdasarkan pengajaran kosa kata yang bersesuaian untuk tujuan pelancongan.

BAB LIMA

ANALISIS DATA KAJIAN

5 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan. Keputusan data diperoleh daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada semua responden iaitu pelajar dan pensyarah. Ia bertujuan bagi mengukuhkan lagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Data tersebut akan dibentangkan dalam bentuk peratusan bagi setiap item yang diberikan melalui penggunaan jadual.

5.1 BORANG SOAL SELIDIK PELAJAR

Dalam kajian ini, responden terdiri daripada 46 orang pelajar di Kampus Universiti Teknologi MARA cawangan Melaka. Semua responden adalah pelajar bagi kod kursus BAB130 peringkat Diploma dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan. Borang selidik yang diedarkan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Borang soal selidik telah dibahagikan kepada empat kategori seperti berikut:

1. Butiran latar belakang.
2. Maklumat ciri-ciri kandungan modul.
3. Maklumat persembahan modul.
4. Keberkesanan penggunaan modul.

Butiran latar belakang pelajar diambil bagi mendapatkan maklumat seperti jantina, umur, latar belakang pendidikan bahasa Arab dan tujuan mempelajari bahasa Arab. Ia bertujuan untuk memastikan kesesuaian modul yang digunakan untuk semua peringkat pelajar.

Manakala maklumat ciri-ciri kandungan modul adalah seperti pernyataan berikut:

1. Objektif pembelajaran jelas.
2. Kandungan menepati sukatan pelajaran untuk pelancongan.
3. Modul memberikan istilah pelancongan yang mencukupi untuk berkomunikasi.
4. Pembelajaran tatabahasa mencukupi untuk berkomunikasi.
5. Tema dan tajuk bersesuaian untuk pelancongan.
6. Latihan yang diberikan mencukupi untuk menguasai kosa kata.
7. Latihan yang diberikan mencukupi untuk menguasai tatabahasa.
8. Keseluruhan kandungan modul adalah memuaskan.

Pernyataan bagi kategori persembahan adalah seperti berikut:

1. Reka bentuk modul adalah kemas.
2. Fon yang digunakan untuk teks adalah jelas.
3. Ilustrasi dan gambar yang diberikan adalah menarik.
4. Panduan penggunaan modul adalah jelas.
5. Warna yang digunakan adalah menarik.
6. Penggunaan ikon dan simbol adalah jelas.
7. Kandungan setiap topik disusun dengan teratur.
8. Keseluruhan persembahan modul adalah memuaskan.

Seterusnya, pernyataan maklumat keberkesanan penggunaan modul adalah seperti di bawah:

1. Kandungan modul menambah minat untuk mempelajari bahasa Arab.
2. Kandungan modul memudahkan untuk memahami sesuatu tajuk.
3. Bahasa yang digunakan mudah difahami.

4. Kandungan modul bersesuaian untuk satu semester.
5. Latihan membantu menguasai setiap pelajaran.
6. Persembahan modul menambahkan minat pelajar.
7. Ruangan glosari meningkatkan penguasaan kosa kata.
8. Modul ini membolehkan pelajar berkomunikasi untuk tujuan pelancongan.
9. Keseluruhan modul adalah memuaskan.

Pengkaji menggunakan empat skala likert bagi pilihan jawapan. Ia terdiri daripada:

1. Sangat tidak setuju.
2. Tidak setuju.
3. Setuju.
4. Sangat setuju.

5.1.1 Latar Belakang Responden Pelajar

Berikut adalah butiran latar belakang responden yang diperolehi dari borang soal selidik.

5.1.1.1 Jantina Responden

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	10	21.7
Perempuan	36	78.3

Jumlah	46	100.0
--------	----	-------

Jadual 5.1: Taburan pelajar mengikut jantina.

Jadual 5.1 menunjukkan tentang taburan responden pelajar. Didapati pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki. Responden perempuan mempunyai 78.3% manakala responden lelaki sebanyak 21.7%.

5.1.1.2 Umur Responden

Umur	Bilangan	Peratus
18-20	46	100.0
Jumlah	46	100.0

Jadual 5.2: Taburan responden mengikut umur.

Jadual 5.2 menjelaskan tentang umur responden. Umur responden telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu 18-20 tahun, 21-23 tahun dan 24-26 tahun. Hasil kajian mendapati kesemua responden berumur antara 18-20 tahun dengan sebanyak 100%.

5.1.1.3 Latar Belakang Pendidikan Bahasa Arab

Latar belakang	Bilangan	Peratus
----------------	----------	---------

Sekolah Rendah	16	34.7
Sekolah Menengah	10	21.7
Tiada	20	43.6
Jumlah	46	100.0

Jadual 5.3: Taburan responden mengikut latar belakang.

Jadual 5.3 menunjukkan latar belakang pendidikan bahasa Arab. Pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab mempunyai peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 43.6%. Manakala pelajar yang hanya belajar di sekolah rendah pula adalah 34.7% dan pelajar yang mempunyai asas sehingga sekolah menengah adalah 21.7%.

5.1.1.4 Tujuan Mempelajari Bahasa Arab

Tujuan	Bilangan	Peratus
Agama	26	56.5
Minat Menguasai Bahasa Arab	36	78.2
Meningkatkan CGPA	14	30.4
Keperluan Universiti	12	26.0
Pelancongan	30	65.2
Kerjaya	26	56.5

Jadual 5.4: Taburan responden mengikut tujuan mempelajari bahasa Arab.

Jadual 5.4 menunjukkan taburan responden mengikut tujuan mempelajari bahasa Arab. Bagi pilihan jawapan responden dibenarkan memilih lebih dari satu tujuan yang

diberikan. Pilihan jawapan berminat untuk tujuan menguasai bahasa Arab mempunyai peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 78.2%. Manakala mempelajari bahasa Arab untuk tujuan pelancongan adalah peratusan kedua tertinggi dengan 65.2%. Seterusnya untuk tujuan agama dan kerjaya mempunyai peratusan yang sama dengan 56.5%. Sebanyak 30.4% untuk memilih tujuan meningkatkan CGPA dan peratusan yang terendah adalah keperluan universiti dengan 26.0%.

5.1.2 Ciri-ciri Kandungan Modul

5.1.2.1 Objektif Pembelajaran Yang Diberikan Adalah Jelas.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	22	47.8	3.47
Setuju	24	52.2	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.5: Taburan pelajar mengenai objektif pembelajaran yang diberikan adalah jelas.

Jadual 5.5 menunjukkan taburan pelajar mengenai objektif pembelajaran yang diberikan. Didapati pelajar sangat bersetuju bahawa objektif pembelajaran adalah jelas dengan 52.2% manakala 47.8% bersetuju dengan pernyataan diberikan. Bacaan min yang dicatat bagi pernyataan ini ialah 3.47.

5.1.2.2 Kandungan Modul Menepati Sukatan Pelajaran Untuk Pelancongan.

	Bil	Peratus	Min

Sangat Setuju	24	52.2	
Setuju	22	47.8	3.52
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.6: Taburan pelajar mengenai kandungan modul menepati sukatan pelajaran untuk pelancongan.

Jadual 5.6 menjelaskan taburan mengenai kandungan modul menepati sukatan pelajaran untuk pelancongan. Sebanyak 52.2% pelajar sangat bersetuju bahawa kandungan modul menepati sukatan pelajaran untuk pelancongan manakala selebihnya bersetuju dengan pernyataan yang diberikan dengan 47.8%. Bacaan min yang diperolehi ialah 3.52.

5.1.2.3 Modul Memberi Istilah Pelancongan Yang Mencukupi Untuk Berkomunikasi.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	12	26.0	
Setuju	24	52.3	3.04
Tidak Setuju	10	21.7	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.7: Taburan pelajar mengenai modul memberi istilah pelancongan yang mencukupi untuk berkomunikasi.

Jadual 5.7 menunjukkan taburan pelajar tentang istilah pelancongan yang mencukupi untuk berkomunikasi. Sebanyak 52.3% peratus pelajar bersetuju bahawa istilah pelancongan mencukupi untuk berkomunikasi, 26.0% pula menyatakan sangat bersetuju dan terdapat 21.7% tidak bersetuju dengan pernyataan berikut. Bacaan min ialah 3.04.

5.1.2.4 Pembelajaran Tatabahasa Mencukupi Untuk Berkomunikasi.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	16	34.7	3.34
Setuju	30	65.3	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.8: Taburan pelajar mengenai pembelajaran tatabahasa mencukupi untuk berkomunikasi.

Jadual 5.8 di atas menjelaskan tentang pembelajaran tatabahasa mencukupi untuk berkomunikasi. Didapati pelajar yang bersetuju dengan pernyataan berikut adalah sebanyak 65.3%. Seterusnya pelajar sangat bersetuju bahawa pembelajaran tatabahasa adalah mencukupi untuk berkomunikasi dengan 34.7%. Pernyataan ini mempunyai min 3.34.

5.1.2.5 Tema Dan Tajuk Yang Diberikan Bersesuaian Untuk Pelancongan.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	34	73.9	3.74
Setuju	12	26.1	

Jumlah	46	100.0	
--------	----	-------	--

Jadual 5.9: Taburan pelajar mengenai tema dan tajuk yang diberikan bersesuaian untuk pelancongan.

Jadual 5.9 menunjukkan taburan pelajar mengenai tema dan tajuk adalah bersesuaian untuk pelancongan. Pelajar memberikan jawapan positif terhadap tema dan tajuk yang digunakan. Ini kerana sebanyak 73.9% sangat bersetuju manakala hanya 26.1% setuju terhadap pernyataan yang tersebut. Bacaan min ialah 3.74.

5.1.2.6 Latihan Yang Disediakan Mencukupi Untuk Menguasai Kos Kata.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	16	34.7	3.30
Setuju	28	60.8	
Tidak Setuju	2	4.5	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.10: Taburan pelajar mengenai latihan yang disediakan mencukupi untuk menguasai kosa kata.

Jadual 5.10 menunjukkan taburan pelajar mengenai latihan yang disediakan mencukupi untuk menguasai kosa kata. Sebanyak 60.8% bersetuju bahawa latihan yang disediakan mencukupi untuk menguasai kosa kata diikuti 34.7% pula sangat bersetuju. Terdapat pelajar yang menyatakan pendirian tidak bersetuju dengan 4.5%. Min yang diperoleh ialah 3.30.

5.1.2.7 Latihan Yang Diberikan Mencukupi Untuk Menguasai Tatabahasa.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	18	39.1	3.26
Setuju	22	47.8	
Tidak Setuju	6	13.1	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.11: Taburan pelajar mengenai latihan yang disediakan mencukupi untuk menguasai tatabahasa.

Jadual 5.11 menjelaskan tentang taburan pelajar mengenai latihan adalah mencukupi untuk menguasai tatabahasa. Didapati sebanyak 47.8% bersetuju seperti yang ditunjukkan dalam jadual . Manakala 39.1% sangat bersetuju dan 13.1% tidak bersetuju dengan pernyataan berikut. Min yang dicatat bagi pernyataan ini 3.26.

5.1.2.8 Keseluruhan Kandungan Modul Adalah Memuaskan.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	16	34.7	3.37

Setuju	30	65.3	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.12: Taburan pelajar mengenai keseluruhan kandungan modul adalah memuaskan.

Jadual 5.12 menerangkan taburan pelajar mengenai keseluruhan kandungan modul adalah memuaskan. Didapati sebanyak 65.3% bersetuju seperti yang dijelaskan dalam jadual, manakala 34.7% sangat bersetuju dengan pernyataan berikut. Bacaan min 3.37.

5.1.3 Persembahan Modul

5.1.3.1 Reka Bentuk Modul Adalah Kemas.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	22	47.8	
Setuju	24	52.2	3.47
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.13: Taburan pelajar mengenai reka bentuk modul adalah kemas.

Jadual 5.13 menjelaskan taburan pelajar mengenai reka bentuk modul adalah kemas. Sebanyak 52.2% pelajar bersetuju bahawa reka bentuk modul adalah kemas manakala 47.8% sangat bersetuju dengan pernyataan diberikan. Min yang diperolehi ialah 3.47.

5.1.3.2 Fon Yang Digunakan Adalah Jelas.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	28	60.8	
Setuju	18	39.2	3.61
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.14: Taburan pelajar mengenai fon yang digunakan adalah jelas.

Jadual 5.14 menunjukkan taburan pelajar mengenai fon yang digunakan adalah jelas. Pelajar sangat bersetuju bahawa fon yang digunakan adalah jelas dengan 60.8%. Manakala sebanyak 39.2% bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Bacaan min ialah 3.61.

5.1.3.3 Ilustrasi Dan Gambar Yang Diberikan Adalah Menarik.

	Bil	Peratus	Min
Setuju	28	60.8	2.56

Tidak Setuju	16	34.7	
Sangat Tidak Setuju	2	4.5	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.15: Taburan pelajar mengenai ilustrasi yang digunakan adalah menarik.

Jadual 5.15 menunjukkan taburan pelajar mengenai ilustrasi yang digunakan adalah menarik. Sebanyak 60.8% peratus pelajar bersetuju bahawa ilustrasi yang digunakan adalah menarik. 34.7% pula menyatakan tidak bersetuju dan terdapat 4.5% tidak bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Min yang diperolehi ialah 2.56.

5.1.3.4 Panduan Penggunaan Modul Adalah Jelas.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	6	13.0	2.86
Setuju	28	60.8	
Tidak Setuju	12	26.2	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.16: Taburan pelajar mengenai panduan penggunaan modul adalah jelas.

Jadual 5.16 di atas menunjukkan taburan pelajar mengenai panduan penggunaan modul adalah jelas. Pelajar yang bersetuju dengan pernyataan berikut adalah sebanyak 60.8%.

Seterusnya pelajar yang tidak bersetuju adalah sebanyak 34.7%. Manakala sebanyak 13.0% sangat bersetuju bahawa panduan penggunaan modul adalah jelas. Pernyataan ini memerolehi min sebanyak 2.86.

5.1.3.5 Warna Yang Digunakan Adalah Menarik.

	Bil	Peratus	Min
Setuju	22	47.8	2.26
Tidak Setuju	16	34.7	
Sangat Tidak Setuju	6	17.5	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.17: Taburan pelajar mengenai warna yang digunakan adalah menarik.

Jadual 5.17 menjelaskan taburan pelajar mengenai warna yang digunakan adalah menarik. Sebanyak 47.8% bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Sebanyak 34.7% pelajar tidak bersetuju manakala 17.5% sangat tidak bersetuju bahawa warna yang digunakan adalah menarik. Bacaan min 2.26.

5.1.3.6 Penggunaan Ikon Dan Simbol Adalah Jelas.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	9	19.5	2.86

Setuju	22	47.8	
Tidak Setuju	15	32.7	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.18: Taburan pelajar mengenai penggunaan ikon dan simbol adalah jelas.

Jadual 5.18 menunjukkan taburan pelajar mengenai ikon dan simbol adalah jelas. Sebanyak 47.8% bersetuju bahawa ikon dan simbol adalah jelas diikuti 32.7% pula tidak bersetuju. Hanya 19.5% yang menyatakan pendirian sangat bersetuju dengan pernyataan berikut. Min yang diperolehi 2.86.

5.1.3.7 Kandungan Setiap Topik Disusun Dengan Teratur.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	26	56.5	3.54
Setuju	19	41.3	
Tidak Setuju	1	2.2	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.19: Taburan pelajar mengenai kandungan setiap topik disusun dengan teratur.

Jadual 5.19 menerangkan tentang taburan pelajar mengenai kandungan setiap topik disusun dengan teratur. Sebanyak 56.5% sangat bersetuju seperti yang ditunjukkan dalam jadual. Manakala 41.3% sangat bersetuju dan hanya 2.2% tidak bersetuju bahawa kandungan setiap topik disusun dengan teratur. Bacaan min 3.54.

5.1.3.8 Keseluruhan Persembahan Modul Adalah Memuaskan.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	16	34.7	3.26
Setuju	26	56.5	
Tidak Setuju	4	8.8	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.20: Taburan pelajar mengenai keseluruhan persembahan modul adalah memuaskan.

Jadual 5.20 menerangkan taburan pelajar mengenai keseluruhan modul memuaskan. Sebanyak 56.5% bersetuju diikuti 34.7% sangat bersetuju dan 8.8% sahaja tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Min yang dicatat ialah 3.26.

5.1.4 Keberkesanan Penggunaan Modul

5.1.4.1 Kandungan Modul Menambah Minat Untuk Mempelajari Bahasa Arab.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	22	47.8	3.47

Setuju	24	52.2	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.21: Taburan pelajar mengenai kandungan modul menambah minat untuk dipelajari.

Jadual 5.21 menunjukkan taburan pelajar mengenai kandungan modul menambah minat untuk mempelajari bahasa Arab. Didapati pelajar bersetuju dengan 52.2% manakala 47.8% sangat bersetuju dengan pernyataan diberikan. Min sebanyak 3.47 diperolehi dari pernyataan ini.

5.1.4.2 Kandungan Modul Memudahkan Untuk Memahami Sesuatu Tajuk.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	18	39.1	
Setuju	28	60.9	3.39
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.22: Taburan pelajar mengenai kandungan modul memudahkan untuk memahami sesuatu tajuk.

Jadual 5.22 menjelaskan taburan pelajar mengenai kandungan modul memudahkan untuk memahami sesuatu tajuk. Pelajar bersetuju dengan pernyataan yang diberikan dengan 60.9%, selebihnya sangat bersetuju dengan 39.1%. Bacaan min ialah 3.39.

5.1.4.3 Bahasa Yang Digunakan Mudah Difahami

	Bil	Peratus	Min

Sangat Setuju	20	43.4	3.30
Setuju	20	43.4	
Tidak Setuju	6	13.2	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.23: Taburan pelajar mengenai bahasa yang digunakan mudah difahami.

Jadual 5.23 menerangkan taburan pelajar mengenai bahasa yang digunakan mudah difahami. Sebanyak 43.4 % peratus pelajar sangat bersetuju dan 43.4% juga pelajar bersetuju bahawa bahasa yang digunakan adalah mudah difahami. Hanya terdapat 13.2% yang tidak bersetuju. Min bagi pernyataan ini mencatat sebanyak 3.30.

5.1.4.4 Kandungan Modul Bersesuaian Untuk Satu Semester.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	18	39.2	3.39
Setuju	28	60.8	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.24: Taburan pelajar mengenai kandungan modul bersesuaian untuk satu semester.

Jadual 5.24 menjelaskan tentang taburan pelajar mengenai kandungan modul bersesuaian untuk satu semester. Pelajar yang bersetuju dengan pernyataan berikut adalah sebanyak 60.8%. Seterusnya pelajar sangat bersetuju 39.2%. Bacaan min ialah 3.39.

5.1.4.5 Latihan Membantu Menguasai Setiap Pelajaran.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	16	34.7	3.28
Setuju	27	58.6	
Tidak Setuju	3	6.7	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.25: Taburan pelajar mengenai latihan membantu untuk menguasai setiap pelajaran.

Jadual 5.25 menunjukkan taburan pelajar mengenai latihan membantu menguasai setiap pelajaran. Didapati sebanyak 58.6% bersetuju manakala 34.7% sangat bersetuju dengan pernyataan berikut. Hanya 6.7% pelajar berpendirian tidak bersetuju. Bacaan min yang diperolehi 3.28.

5.1.4.6 Persembahan Modul Menambah Minat Pelajar.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	16	34.7	3.22
Setuju	24	52.1	

Tidak Setuju	6	13.2	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.26: Taburan pelajar mengenai persembahan modul menambah minat pelajar.

Jadual 5.26 menjelaskan taburan pelajar mengenai persembahan modul menambah minat pelajar. Didapati sebanyak 52.1% bersetuju diikuti 34.7% sangat bersetuju. Manakala sebanyak 13.2% tidak bersetuju bahawa persembahan modul menambah minat pelajar. Min sebanyak 3.22 telah dicatatkan.

5.1.4.7 Ruangan Glosari Meningkatkan Penguasaan Kosa Kata.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	16	34.7	3.35
Setuju	30	65.3	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.27: Taburan pelajar mengenai ruangan glosari meningkatkan penguasaan kosa kata.

Jadual 5.27 menerangkan taburan pelajar mengenai ruangan glosari meningkatkan penguasaan kosa kata. Sebanyak 65.3% bersetuju manakala selebihnya 34.7% sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Sebanyak 3.35 bacaan min bagi pernyataan ini. Bacaan min ialah 3.35.

5.1.4.8 Modul Membolehkan Pelajar Berkomunikasi Untuk Tujuan Pelancongan.

	Bil	Peratus	Min

Sangat Setuju	20	43.4	3.39
Setuju	24	52.1	
Tidak Setuju	2	4.5	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.28: Taburan pelajar mengenai modul membolehkan pelajar berkomunikasi untuk tujuan pelancongan.

Jadual 5.28 menunjukkan taburan pelajar mengenai modul membolehkan pelajar berkomunikasi untuk tujuan pelancongan. Sebanyak 52.1% bersetuju, manakala 43.4% pula sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Selebihnya pelajar yang berpendapat tidak bersetuju sebanyak 4.5%. Sebanyak 3.39 bacaan min bagi pernyataan ini.

5.1.4.9 Keseluruhan Modul Adalah Memuaskan.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	16	34.7	3.37
Setuju	30	65.3	
Jumlah	46	100.0	

Jadual 5.29: Taburan pelajar mengenai keseluruhan modul adalah memuaskan.

Jadual 5.29 menerangkan taburan pelajar mengenai keseluruhan modul adalah memuaskan. Didapati sebanyak 65.3% bersetuju seperti yang dijelaskan dalam jadual, manakala 34.7% sangat bersetuju dengan pernyataan berikut. Bacaan min ialah 3.37.

5.2 BORANG SOAL SELIDIK PENSYARAH

Dalam kajian ini, responden dalam kalangan pensyarah terdiri daripada 3 orang. Semua responden adalah pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA. Borang soal selidik yang diedarkan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Borang soal selidik telah dibahagikan kepada empat kategori, kesemua responden telah diperlihatkan menerusi kategori-kategori berikut:

5.2.1 Latar Belakang Responden Pensyarah

5.2.1.1 Jantina Responden

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	2	66.7
Perempuan	1	33.3
Jumlah	3	100.0

Jadual 5.30: Taburan pensyarah mengikut jantina.

Jadual 5.30 menunjukkan tentang taburan responden pensyarah. Didapati pensyarah lelaki melebihi pensyarah perempuan. Responden lelaki mempunyai 66.7% manakala responden perempuan sebanyak 33.3%.

5.2.1.2 Latar Belakang Pengalaman Mengajar Bahasa Arab

Pengalaman Mengajar	Bilangan	Peratus
5-10 tahun	1	33.3
11-15 tahun	1	33.3
16-20 tahun	1	33.3
Jumlah	3	100.0

Jadual 5.31: Taburan responden mengikut pengalaman.

Jadual 5.31 menunjukkan pengalaman mengajar bahasa Arab. Pensyarah yang mempunyai pengalaman 5-10 tahun sebanyak 33.3%. Manakala yang mempunyai pengalaman antara 11-15 tahun juga 33.3% dan peratus yang mempunyai pengalaman antara 16-20 tahun juga 33.3%.

5.2.2 Ciri-ciri Kandungan Modul

5.2.2.1 Objektif Pembelajaran Yang Diberikan Adalah Jelas

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	3	100.0	4
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.32: Taburan pensyarah mengenai objektif pembelajaran yang diberikan adalah jelas.

Jadual 5.32 menunjukkan taburan pensyarah mengenai objektif pembelajaran yang diberikan. Didapati pensyarah memberi jawapan yang positif di mana semua pensyarah sangat bersetuju bahawa objektif pembelajaran adalah jelas dengan 100.0%. Bacaan min yang dicatatkan ialah 4.

5.2.2.2 Kandungan Modul Menepati Sukatan Pelajaran Untuk Pelancongan

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	3	100.0	4
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.33: Taburan pensyarah mengenai kandungan modul menepati sukatan pelajaran untuk pelancongan.

Jadual 5.33 menjelaskan taburan mengenai kandungan modul menepati sukatan pelajaran untuk pelancongan. Kesemua pensyarah sangat bersetuju bahawa kandungan modul menepati sukatan pelajaran untuk pelancongan dengan 100.0%. Bacaan min yang diperolehi ialah 4.

5.2.2.3 Modul Memberi Istilah Pelancongan Yang Mencukupi Untuk Berkomunikasi

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	2	66.7	3.66
Setuju	1	33.3	
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.34: Taburan pensyarah mengenai modul memberi istilah pelancongan yang mencukupi untuk berkomunikasi.

Jadual 5.34 menunjukkan taburan pensyarah tentang istilah pelancongan yang mencukupi untuk berkomunikasi. Sebanyak 66.7% peratus pensyarah sangat bersetuju bahawa istilah pelancongan mencukupi untuk berkomunikasi dan terdapat 33.3% bersetuju dengan pernyataan berikut. Min bagi pernyataan ini ialah 3.66.

5.2.2.4 Pembelajaran Tatabahasa Mencukupi Untuk Berkomunikasi

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	1	33.3	3.33
Setuju	2	66.7	
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.35: Taburan pensyarah mengenai pembelajaran tatabahasa mencukupi untuk berkomunikasi.

Jadual 5.35 di atas menjelaskan tentang pembelajaran tatabahasa mencukupi untuk berkomunikasi. Didapati pensyarah bersetuju dengan pernyataan berikut adalah sebanyak 66.7%. Seterusnya pensyarah sangat bersetuju bahawa pembelajaran tatabahasa adalah mencukupi untuk berkomunikasi dengan 33.3%. Bacaan min 3.33.

5.2.2.5 Tema Dan Tajuk Yang Diberikan Bersesuaian Untuk Pelancongan

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	3	100.0	4
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.36: Taburan pensyarah mengenai tema dan tajuk yang diberikan bersesuaian untuk pelancongan.

Jadual 5.36 menunjukkan taburan pensyarah mengenai tema dan tajuk adalah bersesuaian untuk pelancongan. Pensyarah memberikan jawapan positif terhadap tema dan tajuk yang digunakan. Ini kerana sebanyak 100.0% sangat bersetuju dengan pernyataan yang tersebut. Bacaan min bagi pernyataan ini ialah 4.

5.2.2.6 Latihan Yang Disediakan Mencukupi Untuk Menguasai Kosa Kata.

	Bil	Peratus	Min
Setuju	3	100.0	3
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.37: Taburan pensyarah mengenai latihan yang disediakan mencukupi untuk menguasai kosa kata.

Jadual 5.37 menunjukkan taburan pensyarah mengenai latihan yang disediakan mencukupi untuk menguasai kosa kata. Sebanyak 100.0% bersetuju bahawa latihan yang disediakan mencukupi untuk menguasai kosa kata. Bacaan min bagi pernyataan ini ialah 3.

5.2.2.7 Latihan Yang Diberikan Mencukupi Untuk Menguasai Tatabahasa.

	Bil	Peratus	Min
Setuju	3	100.0	3
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.38: Taburan pensyarah mengenai latihan yang disediakan mencukupi untuk menguasai tatabahasa.

Jadual 5.38 menjelaskan tentang taburan pensyarah mengenai latihan adalah mencukupi untuk menguasai tatabahasa. Didapati sebanyak 100.0% bersetuju seperti yang ditunjukkan dalam jadual. Bacaan min bagi pernyataan ini ialah 3.

5.2.2.8 Keseluruhan Kandungan Modul Adalah Memuaskan.

	Bil	Peratus	Min
--	-----	---------	-----

Setuju	3	100.0	3
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.39: Taburan pensyarah mengenai keseluruhan kandungan modul adalah memuaskan.

Jadual 5.39 menerangkan taburan pensyarah mengenai keseluruhan kandungan modul adalah memuaskan. Kesemua pensyarah memberikan jawapan positif dengan 100.0% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bacaan min bagi pernyataan ini ialah 3.

5.2.3 Persembahan Modul

5.2.3.1 Reka Bentuk Modul Adalah Kemas.

	Bil	Peratus	Min
Setuju	3	100.0	3
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.40: Taburan pensyarah mengenai reka bentuk modul.

Jadual 5.40 menjelaskan taburan pensyarah mengenai reka bentuk modul adalah kemas. Pensyarah bersetuju bahawa reka bentuk modul adalah kemas dengan 100.0%. Bacaan min bagi pernyataan ini ialah 3.

5.2.3.2 Fon Yang Digunakan Adalah Jelas.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	1	33.3	3.33
Setuju	2	66.7	

Jumlah	3	100.0	
--------	---	-------	--

Jadual 5.41: Taburan pensyarah mengenai fon yang digunakan adalah jelas.

Jadual 5.41 menunjukkan taburan pensyarah mengenai fon yang digunakan adalah jelas. Pensyarah bersetuju bahawa fon yang digunakan adalah jelas dengan 66.7%. Manakala sebanyak 33.3% sangat bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Bacaan min bagi pernyataan ini ialah 3.33.

5.2.3.3 Ilustrasi Dan Gambar Yang Diberikan Adalah Menarik

	Bil	Peratus	Min
Setuju	2	66.7	
Tidak Setuju	1	33.3	2.66
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.42: Taburan pensyarah mengenai ilustrasi yang digunakan adalah menarik.

Jadual 5.42 menerangkan taburan pensyarah mengenai ilustrasi dan gambar yang digunakan adalah menarik. Sebanyak 66.7% peratus pensyarah bersetuju bahawa ilustrasi yang digunakan adalah menarik. Manakala 33.3% pula menyatakan tidak bersetuju. Bacaan min bagi pernyataan mencatatkan 2.66.

5.2.3.4 Panduan Penggunaan Modul Adalah Jelas

	Bil	Peratus	Min
Setuju	2	66.7	2.66

Tidak Setuju	1	33.3	
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.43: Taburan pensyarah mengenai panduan penggunaan modul adalah jelas.

Jadual 5.43 di atas menunjukkan taburan pensyarah mengenai panduan penggunaan modul adalah jelas. Pensyarah yang bersetuju dengan pernyataan berikut adalah sebanyak 66.7%. Seterusnya pensyarah yang tidak bersetuju adalah sebanyak 33.3%. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 2.66.

5.2.3.5 Warna Yang Digunakan Adalah Menarik

	Bil	Peratus	Min
Tidak Setuju	3	100.0	2
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.44: Taburan pensyarah mengenai warna yang digunakan adalah menarik.

Jadual 5.44 menjelaskan taburan pensyarah mengenai warna yang digunakan adalah menarik. Didapati kesemua pensyarah tidak bersetuju dengan 100.0%. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 2.

5.2.3.6 Penggunaan Ikon Dan Simbol Adalah Jelas.

	Bil	Peratus	Min
Setuju	2	66.7	2.66

Tidak setuju	1	33.3	
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.45: Taburan pensyarah mengenai penggunaan ikon dan simbol adalah jelas.

Jadual 5.45 menunjukkan taburan pelajar mengenai ikon dan simbol adalah jelas. Sebanyak 66.7% bersetuju bahawa ikon dan simbol adalah jelas. Manakala 33.3% menyatakan pendirian tidak bersetuju dengan pernyataan berikut. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 2.66.

5.2.3.7 Kandungan Setiap Topik Disusun Dengan Teratur.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	1	33.3	
Setuju	2	66.7	3.33
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.46: Taburan pensyarah mengenai kandungan setiap topik disusun dengan teratur.

Jadual 5.46 menerangkan tentang taburan pensyarah mengenai kandungan setiap topik disusun dengan teratur. Sebanyak 66.7% bersetuju seperti yang ditunjukkan dalam jadual. Manakala 33.3% sangat bersetuju bahawa kandungan setiap topik disusun dengan teratur. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 3.33.

5.2.3.8 Keseluruhan Persembahan Modul Adalah Memuaskan.

	Bil	Peratus	Min

Setuju	3	100.0	3
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.47: Taburan pensyarah mengenai keseluruhan persembahan modul adalah memuaskan.

Jadual 5.47 menerangkan taburan pensyarah mengenai keseluruhan modul adalah memuaskan. Kesemua pensyarah memberikan jawapan positif dengan 100.0% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 3.

5.2.4 Keberkesanan Penggunaan Modul

5.2.4.1 Kandungan Modul Menambah Minat Untuk Mempelajari Bahasa Arab.

	Bil	Peratus	Min
Setuju	3	100.0	3
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.48: Taburan pensyarah mengenai kandungan modul menambah minat untuk dipelajari.

Jadual 5.48 menunjukkan taburan pensyarah mengenai kandungan modul menambah minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Didapati pensyarah bersetuju dengan 100.0% dengan pernyataan yang diberikan. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 3.

5.2.4.2 Kandungan Modul Memudahkan Untuk Memahami Sesuatu Tajuk

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	2	66.7	3.66
Setuju	1	33.3	
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.49: Taburan pensyarah mengenai kandungan modul memudahkan untuk memahami sesuatu tajuk.

Jadual 5.49 menjelaskan taburan pensyarah mengenai kandungan modul memudahkan untuk memahami sesuatu tajuk. Pensyarah sangat bersetuju dengan pernyataan yang diberikan dengan 66.7%. Manakala 33.3% bersetuju bahawa kandungan modul memudahkan memahami sesuatu tajuk. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 3.66.

5.2.4.3 Bahasa Yang Digunakan Mudah Difahami

	Bil	Peratus	Min
Setuju	3	100.0	3
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.50: Taburan pensyarah mengenai bahasa yang digunakan mudah difahami.

Jadual 5.50 menerangkan taburan pensyarah mengenai bahasa yang digunakan mudah difahami. Sebanyak 100.0 % peratus pensyarah bersetuju bahawa bahasa yang digunakan adalah mudah difahami. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 3.

5.2.4.4 Kandungan Modul Bersesuaian Untuk Satu Semester.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	3	100.0	4
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.51: Taburan pensyarah mengenai kandungan modul bersesuaian untuk satu semester.

Jadual 5.51 menjelaskan tentang taburan pensyarah mengenai kandungan modul bersesuaian untuk satu semester. Pensyarah sangat bersetuju dengan pernyataan berikut dengan peratus 100.0%. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 4.

5.2.4.5 Latihan Membantu Menguasai Setiap Pelajaran.

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	1	33.3	3.33
Setuju	2	66.7	
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.52: Taburan pensyarah mengenai latihan membantu menguasai setiap pelajaran.

Jadual 5.52 menunjukkan taburan pensyarah mengenai latihan membantu menguasai setiap pelajaran. Didapati sebanyak 66.7% bersetuju manakala 33.3% sangat bersetuju dengan pernyataan berikut. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 3.33.

5.2.4.6 Persembahan Modul Menambah Minat Pelajar.

	Bil	Peratus	Min
Setuju	3	100.0	3
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.53: Taburan pensyarah mengenai persembahan modul menambah minat pelajar.

Jadual 5.53 menjelaskan taburan pensyarah mengenai persembahan modul menambah minat pelajar. Didapati kesemua pensyarah bersetuju dengan pernyataan yang diberikan dengan 100.0%. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 3.

5.2.4.7 Ruangan Glosari Meningkatkan Penguasaan Kosa Kata

	Bil	Peratus	Min
Sangat Setuju	3	100.0	4
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.54: Taburan pensyarah mengenai ruangan glosari meningkatkan penguasaan kosa kata.

Jadual 5.54 menerangkan taburan pensyarah mengenai ruangan glosari meningkatkan penguasaan kosa kata. Sebanyak 100.0% sangat bersetuju manakala dengan pernyataan tersebut. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 4.

5.2.4.8 Modul Membolehkan Pelajar Berkomunikasi Untuk Tujuan Pelancongan

	Bil	Peratus	Min
--	-----	---------	-----

Sangat Setuju	2	66.7	
Setuju	1	33.3	3.66
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.55: Taburan pensyarah mengenai modul membolehkan pelajar berkomunikasi untuk tujuan pelancongan.

Jadual 5.55 menunjukkan taburan pensyarah mengenai modul membolehkan pelajar berkomunikasi untuk tujuan pelancongan. Sebanyak 66.7% sangat bersetuju, manakala 33.3% pula sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 3.66.

5.2.4.9 Keseluruhan Modul Adalah Memuaskan

	Bil	Peratus	Min
Setuju	3	100.0	3
Jumlah	3	100.0	

Jadual 5.56: Taburan pensyarah mengenai keseluruhan modul adalah memuaskan.

Jadual 5.56 menerangkan taburan pensyarah mengenai keseluruhan modul adalah memuaskan. Didapati pensyarah memberikan jawapan yang positif iaitu dengan 100.0% bersetuju bahawa keseluruhan modul yang digunakan adalah memuaskan. Min yang diperolehi bagi pernyataan ini ialah 3.

5.3 DAPATAN ANALISIS DATA BERDASARKAN OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji akan melakukan kesimpulan umum berdasarkan data yang telah dianalisis. Berikut adalah kesimpulan berdasarkan beberapa objektif yang ditetapkan dalam kajian ini.

5.3.1 Mengenal Pasti Ciri-ciri Kandungan Modul

PERNYATAAN KANDUNGAN	MIN PELAJAR	MIN PENSYARAH
1. Objektif pembelajaran yang diberikan adalah jelas	3.47	4
2. Kandungan modul ini menepati sukatan pelajaran untuk pelancongan	3.52	4
3. Modul ini memberi istilah pelancongan yang mencukupi untuk berkomunikasi	3.04	3.66
4. Pembelajaran tatabahasa mencukupi untuk berkomunikasi	3.34	3.33
5. Tema atau tajuk yang diberikan bersesuaian untuk pelancongan	3.74	4
6. Latihan yang disediakan mencukupi untuk menguasai kosa kata	3.30	3
7. Latihan yang diberikan mencukupi untuk menguasai tatabahasa	3.26	3
8. Keseluruhan kandungan modul adalah memuaskan	3.37	3

Jadual 5.57 : Perbandingan bacaan min antara pelajar dengan pensyarah tentang pernyataan kandungan.

Jadual 5.57 menjelaskan tentang perbandingan bacaan min antara responden pelajar dengan pensyarah. Perbincangan dapatan analisis kandungan adalah seperti berikut:

1. Kandungan modul menepati objektif dan sukatan pelajaran.

Kesemua responden bersetuju bahawa objektif pembelajaran modul yang digunakan serta kandungan sukatan pelajaran adalah menepati untuk pelancongan. Ia dapat dilihat menerusi bacaan min bagi pernyataan 1 dan 2. Di mana bacaan min bagi pernyataan objektif adalah jelas bagi pelajar adalah 3.47 manakala pensyarah mencatatkan bacaan yang tinggi iaitu 4. Bagi pernyataan kandungan menepati sukatan pelajaran mencatatkan bacaan min 3.52 untuk pelajar dan 4 untuk pensyarah.

2. Tema pelancongan yang bersesuaian.

Melalui soal selidik pelajar menunjukkan modul ini memberikan tema pelancongan yang bersesuaian. Ini adalah selari dengan objektif yang telah digariskan. Bacaan min pelajar yang menunjukkan bahawa tema adalah bersesuaian adalah 3.74 manakala bacaan min bagi pensyarah adalah 4.

3. Latihan yang mencukupi

Hasil dapatan mendapati modul ini menyediakan latihan yang mencukupi bagi pelajar untuk menguasai kosa kata dan tatabahasa. Bacaan min yang diperolehi bagi kedua-dua pernyataan adalah 3.30 dan 3.26 bagi pelajar dan pensyarah mencatatkan bacaan min yang sama bagi kedua-dua pernyataan iaitu 3.

4. Pembelajaran tatabahasa yang mencukupi.

Pembelajaran tatabahasa yang diterapkan dalam modul ini adalah memadai dengan objektif yang telah ditetapkan. Bacaan min yang dicatatkan adalah 3.34 untuk pelajar dan 3.33 adalah bacaan untuk pensyarah.

5. Keseluruhan kandungan yang dipersembahkan adalah memuaskan.

Pernyataan terakhir bagi menilai kandungan secara keseluruhan. Hasil dapatan mendapati kesemua responden berpuas hati menggunakan modul ini. Bacaan min yang dicatatkan oleh pelajar adalah 3.37 manakala pensyarah ialah 3.

5.3.2 Mengenal Pasti Persembahan Modul

PERNYATAAN PERSEMBAHAN	MIN PELAJAR	MIN PENSYARA H
1. Reka bentuk modul adalah kemas	3.47	3
2. Fon yang digunakan untuk teks adalah jelas	3.61	3.33
3. Ilustrasi dan gambar yang diberikan adalah menarik	2.56	2.66
4. Panduan penggunaan modul adalah jelas	2.86	2.66
5. Warna yang digunakan adalah menarik	2.26	2
6. Penggunaan ikon dan simbol adalah jelas	2.86	2.66
7. Kandungan setiap topik disusun dengan teratur	3.54	3.33
8. Keseluruhan persembahan modul adalah memuaskan	3.26	3

Jadual 5.58 : Perbandingan bacaan min antara pelajar dengan pensyarah tentang pernyataan persembahan.

Jadual di atas menunjukkan tentang perbandingan bacaan min antara pelajar dan pensyarah tentang pernyataan persembahan modul. Perbincangan tentang persembahan modul adalah seperti berikut:

1. Penyusunan topik yang tersusun.

Hasil daripada data yang diperoleh mendapati setiap topik di dalam modul ini disusun dengan teratur kemas. Ini dibuktikan dengan data pelajar iaitu sebanyak 3.54. Manakala data bacaan min pensyarah menunjukkan sebanyak 3.33.

2. Persembahan bahan grafik tidak memuaskan.

Warna juga diambil kira dalam menentukan persembahan sesuatu modul. Hasil daripada perbincangan data, mendapati modul ini tidak menggunakan warna yang menarik. Data pelajar menunjukkan bacaan min yang sangat rendah iaitu sebanyak 2.26. Bacaan min bagi pensyarah juga memperolehi bacaan yang rendah juga iaitu sebanyak 2. Apabila warna yang diberikan tidak menarik, ia juga secara langsung memberi kesan terhadap ilustrasi dan gambar. Hasil dapatan mendapati ilustrasi dan gambar yang dipersembahkan juga tidak menarik. Bacaan yang dicatatkan untuk pelajar adalah 2.56 manakala pensyarah adalah 2.66.

3. Penggunaan ikon dan simbol yang tidak jelas.

Dapatan kajian menunjukkan ikon dan simbol yang digunakan dalam modul ini adalah tidak jelas. Ini dibuktikan melalui data yang diperoleh daripada pelajar menunjukkan bacaan min sebanyak 2.86 dan pensyarah pula 2.66.

4. Keseluruhan modul.

Hasil daripada hasil analisis penilaian terhadap keseluruhan persembahan, didapati kedua-dua responden berpuasti dengan persembahan yang diberikan terhadap modul. Bacaan yang diperolehi dari pernyataan ini ialah sebanyak 3.26 untuk pelajar dan bacaan min pensyarah adalah 3. Namun begitu penambahbaikan adalah perlu berdasarkan keputusan min yang rendah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas.

5.3.3 Menganalisis Keberkesanan Penggunaan Modul Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

PERNYATAAN KEBERKESANAN	MIN PELAJAR	MIN PENSYARAH
1. Kandungan modul menambah minat untuk mempelajari bahasa Arab	3.47	3
2. Kandungan modul memudahkan untuk memahami sesuatu tajuk	3.39	3.66
3. Bahasa yang digunakan mudah difahami	3.30	3
4. Kandungan modul bersesuaian untuk satu semester	3.39	4
5. Latihan membantu menguasai setiap pelajaran	3.28	3.33
6. Persembahan modul menambahkan minat pelajar	3.22	3
7. Ruangan glosari meningkatkan penguasaan kosa kata	3.35	4
8. Modul ini membolehkan pelajar berkomunikasi untuk tujuan pelancongan	3.39	3.66
9. Keseluruhan modul adalah memuaskan	3.37	3

Jadual 5.59: Perbandingan bacaan min antara pelajar dengan pensyarah tentang pernyataan keberkesanan

Jadual di atas menjelaskan tentang bacaan min antara pelajar dan pensyarah tentang keberkesanan terhadap penggunaan modul. perbincangan penilaian keberkesanan terhadap penggunaan modul adalah seperti di bawah:

1. Mampu menambah minat pelajar.

Modul yang digunakan ini memberi kesan terhadap minat pelajar. Hasil daripada analisi data, kandungan dan persembahan modul mapu menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Bacaan min yang dicatatkan bagi kedua-dua pernyataan adalah seperti jadual di atas bagi pernyataan 1 dan 6 ialah 3.47 dan 3.22 untuk pelajar. Bacaan min yang diperolehi untuk pensyarah adalah sama iaitu 3.

2. Membantu pelajar untuk berkomunikasi.

Modul ini juga membantu pelajar berkomunikasi untuk tujuan pelancongan. Ini dapat dibuktikan dengan bacaan min 3.99 bagi bacaan pelajar. Bacaan min yang dicatat bagi pensyarah ialah 3.66.

3. Glosari meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar.

Penggunaan glosari yang diterapkan dalam setiap bab menunjukkan berlaku peningkatan terhadap penguasaan kosa kata pelajar. Pernyataan ini sangat dipersetujui oleh pensyarah yang mencatatkan bacaan min yang maksimum dengan iaitu 4 manalaka bacaan min bagi pelajar adalah 3.22.

4. Keseluruhan modul.

Hasil analisis menunjukkan keseluruhan modul yang digunakan oleh pelajar dan pensyarah adalah memuaskan. Bacaan yang dicatatkan ialah sebanyak 3.37 bagi pelajar. Manakala bacaan min bagi pensyarah ialah sebanyak 3.

5.4 PENUTUP

Bab ini menjelaskan tentang hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Data-data diperoleh daripada responden yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah. Data tersebut dikumpulkan dan diproses dengan menggunakan SPSS dan dijelaskan dalam bentuk jadual. Beberapa dapatan kajian telah diperoleh hasil daripada proses analisis tersebut dan seterusnya dibincangkan. Berdasarkan dapatan tersebut menunjukkan keberkesanan penggunaan Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Pelancongan dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Pengkaji merumuskan bahawa pembelajaran dan pengajaran menggunakan modul ini adalah berkesan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti hasil daripada kajian ini. Diharap dapatan tersebut akan menjadi sokongan dalam memantapkan lagi modul ni serta dibuat sedikit pemurnian agar ia lebih berkesan dan berkualiti.

BAB ENAM

RUMUSAN DAN CADANGAN

6 PENDAHULUAN

Bab ini akan menjelaskan tentang kesimpulan hasil kajian yang telah dijalankan. Ia merangkumi semua aspek yang tertentu daripada apa yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang sebelumnya. Kemudian pengkaji akan memberikan beberapa cadangan kajian untuk diambil tindakan oleh pihak yang berkenaan. Seterusnya pengkaji akan mengutarakan cadangan untuk kajian lanjutan dan diakhiri dengan penutup.

6.1 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Pengkaji dapat mengemukakan beberapa rumusan penting hasil daripada kajian yang telah dilakukan. Dapatan ini sekali gus menjawab semua persoalan kajian dan objektif kajian ini. Perbincangan kesimpulan ini adalah seperti berikut:

6.1.1 Ciri-ciri Kandungan Modul

1. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, modul ini menepati sukatan pelajaran untuk pelancongan. Hal ini kerana sesuatu modul yang hendak ditulis perlulah terlebih dahulu diketahui apakah tujuan penyediaan dan penulisannya.
2. Walaupun modul ini menepati objektif pembelajaran iaitu membolehkan pelajar berkomunikasi untuk tujuan pelancongan, didapati hasil dapatan kajian menunjukkan istilah-istilah pelancongan dalam modul ini masih lagi berkurangan.
3. Responden pensyarah dan pelajar bersetuju bahawa tema dan tajuk di dalam modul ini adalah sangat bersesuaian untuk pelancongan.
4. Penerapan gatinama dan tatabahasa di dalam modul ini tidak dilakukan secara terperinci. Seharusnya ia perlulah dilakukan secara menyeluruh.

6.1.2 Persembahan Modul

1. Ilustrasi dan gambar dalam modul ini adalah kurang menarik. Hal ini kerana modul ini hanya dipersembahkan dalam bentuk fotostat berwarna hitam putih sahaja dan ia memberi kesan terhadap ilustrasi dan gambar. Penggunaan ilustrasi dan gambar yang bersesuaian (Naimah Abdullah, 2004: 83) boleh membantu pelajar meningkatkan kefahaman mereka terhadap bahan pembelajaran.

2. Modul ini tidak memberikan ikon dan simbol yang jelas. Penggunaan ikon dan simbol yang jelas mampu membantu pelajar memahami setiap topik pelajaran.
3. Hasil kajian terhadap modul juga mendapati modul ini disusun dengan kemas dan teratur. Penyusunan modul ini juga seragam bagi setiap topik. Setiap unit disusun dengan seragam dengan setiap unit telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Perbualan atau Petikan, *al-Mufrādāt* (المُفْرَدَات) dan *al-Tadrībāt* (التَّدْرِيبَات).

6.1.3 Keberkesanan Penggunaan Modul

1. Tempoh pembelajaran bahasa iaitu 4 jam seminggu mencukupi bagi pensyarah dan pelajar menghabiskan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan. Selain itu ia akan memberi ruang yang cukup kepada pensyarah untuk melatih pelajar berkomunikasi agar dapat menguasai bahasa yang dipelajari. Menurut (Sahabudin, 2003: 82) pelajar tidak mendapat perhatian yang secukupnya dan tidak mendapat peluang untuk berkomunikasi sesama mereka jika jangka masa yang diberikan tidak mencukupi.
2. Minat memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar. Atas dorongan itu, (Sahabudin, 2003: 81) seseorang itu akan berusaha bersungguh-sungguh sehingga mencapai matlamatnya. Dalam kajian ini mendapati kandungan dan persembahan modul ini mampu menambahkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Ini kerana bahasa yang digunakan adalah mudah difahami.

3. Bahasa Arab yang mudah telah digunakan dalam modul ini. Ini sangat membantu pelajar untuk memahami sesuatu teks. Ia juga memudahkan pelajar untuk mengingati perkataan yang telah diajar.
4. Responden bersetuju bahawa latihan yang diberikan adalah berkesan bagi membantu mereka memahami dan menguasai setiap pelajaran. Namun demikian terdapat beberapa responden pelajar berpendapat latihan yang diberikan masih lagi berkurangan untuk menguasai kosa kata dan tatabahasa.
5. Di akhir setiap topik dalam modul ini, diletakkan bahagian glosari. Kesemua responden memberikan pendapat yang positif bahawa bahagian glosari berkesan membantu dalam meningkatkan penguasaan kosa kata.

6.2 KELEBIHAN DAN KEISTIMEWAAN MODUL BAHASA ARAB UNTUK PELANCONGAN

Hasil daripada rumusan di atas, pengkaji mendapati modul yang digunakan ini mempunyai kelebihan dan keistimewaan. Antara kelebihannya ialah:

- a. Penyusunan kandungan yang tersusun.

Modul yang digunakan ini menunjukkan kandungan setiap bab telah disusun dengan teratur dan seragam. Modul ini dibahagikan kepada sembilan unit. Setiap unit telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Perbualan atau Petikan, *al-Mufrādāt* (المفردات) dan *al-Tadrībāt* (التدريبات).

- b. Tajuk-tajuk yang diberikan adalah berkaitan dengan pelancongan.

Tajuk-tajuk dalam modul ini adalah menepati tujuan utama penulisan iaitu untuk tujuan pelancongan. Bahan pengajaran ini telah diolah dalam pelbagai situasi seperti

perbualan telefon dengan agensi pelancongan, di lapangan kapal terbang, perbualan bersama pengurup wang, perbualan di hotel, restoren dan sebagainya.

c. Persembahan yang menarik.

Modul ini menyediakan persembahan yang menarik. Ia bermaksud modul ini dipersembahkan dalam bentuk sesuai dengan konsep dan umur pelajar. Selain itu juga ia merangkumi penyusunan yang teratur mengikut kesesuaian isi kandungan.

d. Kamus disediakan dalam setiap unit.

Dalam setiap unit disediakan kamus mini iaitu (*al-mufrādāt*). Ia bertujuan bagi membantu pelajar untuk mengingati perkataan yang sukar dan susah. Ibrahim (2003:127) menyatakan kamus merupakan bahan bantu pengajaran bagi mengatasi masalah lupa kosa kata di kalangan pelajar. Ia turut disokong oleh Norhayuza (2001:147) bahawa penggunaan kamus di kalangan pelajar dapat membantu pelajar meningkatkan kosa kata yang dipelajari terutamanya perkataan yang baru.

e. Penggunaan bahasa yang mudah.

Bahasa yang digunakan dalam modul ini adalah mudah untuk dipelajari serta bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar. Modul ini menggunakan laras bahasa yang baku dari segi ejaan, baris dan tatabahasa.

f. Penggunaan transliterasi.

Dalam modul ini transliterasi adalah bertujuan untuk membantu pelajar membaca perkataan yang sukar. Penggunaan transliterasi ini juga dapat menarik minat bukan Islam untuk mempelajari bahasa Arab.

g. Penggunaan bahan grafik.

Dalam modul ini bahan grafik digunakan untuk menjelaskan makna sesuatu perkataan. Ia juga bertujuan membantu pelajar untuk lebih memahami makna kosa kata yang diajar. Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011: 12) menegaskan penggunaan bahan grafik yang dapat menghidupkan situasi atau

persembahan kandungan di dalam buku teks akan menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Ia juga turut disokong Norhayuza (2001:147) penggunaannya juga dapat meningkatkan daya ingatan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari.

h. Penerapan nilai murni.

Teks yang disediakan dalam modul ini menerapkan unsur-unsur teladan dan memupuk nilai-nilai murni dalam kehidupan. Antara contoh yang dipaparkan dalam modul ini adalah amadalah tidaalan berterima kasih selepas menerima sesuatu perkhidmatan. Teks yang disediakan hendaklah terdiri daripada pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran dan ilmu yang merentas kurikulum, Bahagian Buku Teks Kementerian Pelajaran Malaysia, (2011:8).

i. Latihan yang pelbagai

Setiap unit dalam modul ini menyediakan bahagian latihan atau pun (*al-tadrībāt*) di akhir bab. Latihan yang diberikan adalah seragam iaitu setiap bab mengandungi lima latihan yang merangkumi pelbagai kemahiran seperti mendengar, bertutur, menulis dan membaca. Menurut Norhayuza (2001:148), latihan yang pelbagai bentuk dan menarik perlu diberikan kepada pelajar sedikit demi sedikit dan secara berterusan kerana ia dapat menambah ingatan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari.

6.3 KELEMAHAN MODUL BAHASA ARAB UNTUK PELANCONGAN

Terdapat beberapa kelemahan dalam modul ini. Antara kelemahannya adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

a. Penerapan ganti nama tidak menyeluruh

Pengajaran ganti nama yang terdapat di dalam modul ini adalah tidak lengkap. Terdapat beberapa ganti nama tidak diajar dan disebut. Antaranya

gantinama dia berdua هما , awak berdua أنتما dan awak (banyak/ feminin)

أنتِ tidak diterapkan dalam pengajaran. Gantinama awak (feminin)

pula tidak diterapkan dalam unit satu. Ia hanya mula diperkenalkan dalam unit dua seterusnya unit empat, lima dan enam.

b. Penggunaan warna terhadap bahan grafik tidak menarik

Dalam modul ini warna yang digunakan untuk bahan grafik adalah tidak menarik. Hal ini kerana modul ini dipersembahkan dalam bentuk salinan photostat yang hanya menggunakan warna hitam dan putih sahaja. Penggunaan warna yang sesuai dalam bahan grafik mampu merangsang minat pelajar. Menurut Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011:12), bahan grafik yang digunakan mestilah mempunyai ciri-ciri yang jelas, berfokus, menarik, menggambarkan isi kandungan, bermakna serta berfungsi menerangkan teks, mengukuhkan maksud teks, atau memberi maklumat tambahan.

c. Tiada penggunaan simbol dan ikon.

Didapati modul ini tidak menggunakan simbol dan ikon. Simbol dan ikon ini penting bagi menunjukkan sesuatu kemahiran sama ada kemahiran membaca, mendengar mahupun menulis. Ia juga dapat membantu pelajar untuk mengetahui sesuatu kemahiran yang dipelajari. Hal ini mungkin kerana kelalaian penulis itu sendiri yang tidak menitikberatkan penggunaannya dalam penulisan modul ini.

d. Pengajaran nombor yang tidak menyeluruh.

Pengajaran nombor yang diberikan adalah tidak lengkap dan menyeluruh. Ia hanya diperkenalkan dalam di dalam bahagian *al-tadribāt*. Nombor ini hanya diperkenalkan dalam unit dua sahaja dan tiada pengulangan di dalam

unit-unit yang lain. Pengajaran nombor mestilah menyeluruh kerana ia penting terutamanya semasa berurusan jual beli seperti di restoran dan sebagainya.

e. Penggunaan struktur ayat yang panjang.

Walaupun bahasa yang digunakan adalah mudah tetapi pemilihan struktur ayat yang panjang akan menyukarkan pelajar untuk memahami sesuatu ayat. Penggunaannya amat jelas terutama dalam unit enam, tujuh dan sembilan. Menurut Ibrahim (2003:106) struktur-struktur ayat yang panjang ini akan menyebabkan pelajar gagal menguasainya dengan baik dalam pembelajaran.

f. Kurang pengulangan perkataan.

Dalam modul ini kurang mempraktikkan pengulangan perkataan yang diajar dalam sesuatu unit. Hanya beberapa perkataan sahaja yang diperkenalkan dalam setiap unit diulang dalam unit yang berikutnya. Jumlah yang sedikit ini adalah tidak mencukupi dan tidak memadai untuk pelajar menguasai sesuatu kosa kata dan akan menyukarkan pelajar untuk mengingatnya.

g. Tiada panduan penggunaan modul.

Modul ini tidak menyediakan panduan penggunaan modul. Panduan ini amat penting bagi membantu pensyarah menyampaikan isi kandungan bahan pengajaran. Ia juga membantu pensyarah untuk memahami maksud dan kehendak penulis itu sendiri.

6.4 CADANGAN

Setelah analisis dilakukan pengkaji dapat merumuskan modul yang digunakan adalah memuaskan. Ia berdasarkan jawapan yang diterima daripada responden setelah mempelajari modul. Namun begitu, proses pemurnian harus dilakukan bagi

menghasilkan modul bahasa Arab yang terbaik. Hal ini kerana proses penilaian ini bukanlah bertujuan untuk mengkritik hasil usaha dan penat lelah penulis, tetapi ia lebih kepada proses penambahbaikan sesuatu bahan pengajaran. Proses ini seharusnya dilakukan dari masa ke semasa dengan merujuk kepada beberapa orang pakar. Di antara cadangan penambahbaikan bagi modul yang dikaji adalah:

1. Panduan penggunaan modul. Seharusnya buku panduan penggunaan modul disediakan oleh penulis. Ia bertujuan menerangkan bagaimana menggunakan bahan tersebut. Ia juga membantu pengajar memahami kehendak penulis. Buku panduan ini bagi menerangkan pendekatan pengajaran dan kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif penulisan modul.
2. Penggunaan ikon dan simbol adalah bertujuan untuk menerangkan tentang sesuatu kemahiran agar pelajar memahaminya. Sebagai contoh untuk kemahiran menulis penulis menggunakan simbol pensel ataupun pen. Ia sangat membantu pelajar untuk mengetahui tentang sesuatu kemahiran yang dipelajari.
3. Penyediaan dalam bentuk berwarna. Modul ini tidak dipersembahkan dalam bentuk berwarna. Bagi menarik minat pelajar untuk mempelajarinya, ia perlu disediakan dalam bentuk berwarna. Penggunaan warna yang pelbagai dan tidak keterlaluan mampu merangsang pelajar untuk mempelajari bahan pengajaran.
4. Membukukan ruangan glosari. Tidak dapat dinafikan ruangan glosari sangat membantu pelajar mencari makna perkataan yang sukar. Namun begitu, glosari ini tidak disusun mengikut abjad maka ia akan menyulitkan pelajar untuk mencari perkataan. Pengkaji mencadangkan agar ruangan glosari ini dibukukan dan disusun mengikut tema pelancongan. Perkataan Arab yang dipilih disusun mengikut huruf *hijaiyah* iaitu ا ب ت ث ج hingga akhir agar memudahkan pelajar mencari perkataan yang dikehendaki.

5. Pengajaran nombor. Nombor atau angka adalah sangat penting dengan kehidupan sosial pelajar. Dengan pembelajaran angka pelajar boleh berkomunikasi dalam pelbagai situasi seperti bertanya waktu, membeli-belah di pusat perniagaan, urusan membeli tiket, urusan tukaran wang asing dan sebagainya. Untuk mencapai tahap ini seharusnya nombor diterapkan secara menyeluruh di dalam modul ini agar ia bersesuaian dengan kehendak pelancongan. Kelemahan penguasaan nombor oleh pelajar akan menyebabkan urusan yang disebutkan tadi akan terbantut. Sebaliknya akan berlaku jika pelajar dapat menguasai pembelajaran nombor dengan baik.
6. Mempelbagaikan bahan pengajaran. Bahan pengajaran yang pelbagai dapat membantu pelajar untuk memahami sesuatu pelajaran yang diajar. Kebergantungan kepada satu bahan sahaja akan membuatkan pelajar akan cepat merasa bosan. Untuk mengatasi masalah ini, bahan pengajaran haruslah dipelbagaikan seperti penggunaan internet, bahan berasaskan audio dan video dan sebagainya. Maka dengan itu ia mampu meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab.

6.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Pengkaji mempunyai beberapa cadangan untuk kajian lanjutan yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak. Oleh kerana kajian ini berkaitan penggunaan bahasa untuk tujuan khas, pengkaji mencadangkan kajian lanjutan seperti berikut:

- 1) Kajian berkaitan pembangunan perisian pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan pelancongan untuk pelajar universiti dengan menggunakan web ataupun CD-ROM.
- 2) Mengkaji penggunaan istilah pelancongan yang terdapat dalam laman-laman web bahasa Arab.

Diharap cadangan kajian di atas dapat memaksimumkan lagi penggunaan bahasa Arab di kalangan pelajar untuk tujuan khas.

6.6 PENUTUP

Bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran. Bahasa yang diturunkan kepada junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. Sesungguhnya bahasa Arab telah berkembang luas hingga ke luar wilayah Arab. Maka telah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mengembangkan bahasa ini sehingga menjadi bahasa pertama di dunia. Hasil daripada penilaian ini dapatlah membantu penulis-penulis mahupun pencinta bahasa Arab untuk menghasilkan bahan pengajaran ataupun bahan bacaan yang berkualiti dan bersesuaian dengan kehendak sasaran sama ada pelajar ataupun orang awam. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah merupakan satu usaha kecil dalam meluaskan penggunaan bahasa Arab dalam kehidupan seharian.

RUJUKAN

_____. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abd Aziz Abd Talib. (1996). *Menguji Kemahiran Bahasa: Prinsip, Teknik Dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd Aziz Abd Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah Dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdullah Hassan. (1996). *Isu-isu Dan Pembelajaran Dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdullah, I. (2003). *Penyediaan Buku Teks Bahasa Arab Untuk Pelajar Dewasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abu Bakar Nordin. (1986). *Asas Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.

Azharudin Ahmad Zakaria. (2005). *Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Agama : Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Unversiti Malaya.

Chandrika. (2003). *Penghasilan Dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri Nilai Semangat Bermasyarakat Untuk Pendidikan Moral Tingkatan Empat* . Kuala Lumpur: Universti Malaya.

- Che Radiah Mezah. (1995). *Kesilapan Bahasa Dalam Karangan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Ishak Mohd Rejab. (1994). Pengajaran Bahasa Arab Untuk Penutur-penutur Berbahasa Melayu Melalui Pendekatan Komunikatif. *Pengajian Arab* , Bil 3 Tahun Ke-4.
- Janudin Sardi. (2009). *Pembelajaran Nahu Dalam Bahasa Arab Komunikasi Menggunakan Aplikasi Multimedia Berasaskan Web*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Juriah Long, R. H. (1990). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Juriah Long. (1992). *Pengajaran Bahasa Secara Komunikatif: Suatu Pengenalan* (edisi terjemahan oleh Juriah Long). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamarudin Hj. Husin. (1998). *Pedagogi Bahasa*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Littlewood, W. (1981). *Communicative Language Teaching; An Introduction*. Cambridge: University Press.
- Mahzan Arsyad. (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu : Strategi Perancangan Dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Panduan Penulisan Pakej Buku Teks KSSR*. Kuala Lumpur: Bahagian Buku Teks.
- Mansoer Pateda. (1991). *Linguistik Terapan*. Indonesia: Penerbit Nusa Indah.
- Md. Taha Ariffin. (1995). *A Suggested Curriculum For The Teaching Of Arabic Language For Adult In Malaysia*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa.
- Mohammed Saleh Samak. (1979). *Fannu al-Tadris Littarbiyyatt al-Lughawiiyyatt*. Kaherah: Maktabah al-Anglo Mesir.
- Mohd Ali Khuli. (1992). *Asalib Tadris al-Lughatt al-'Arabiyyatt*. Al-Mamlakatt al-'Arabiyyatt: Matabi' al-Farazdaq al-Tijariyyatt.
- Mohd Puzhi Bin Usop. (2007). *Modul Asas Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah : Satu Analisis Dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ngean, N. S. (1991). *Pengukuran Dan Penilaian Dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nik Hassan Basri Nik Abd Kadir. (2005). *Teori Bahasa: Implikasi Terhadap Pengajaran Bahasa*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Norhayuza Mohamad. (2001). *Masalah Ingatan : Satu Kajian Kes Pelajar Dewasa Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Naimah Abdullah & Rakan-rakan. (2004). *Kajian Penilaian Modul Bahasa Arab UiTM*. Shah Alam. Universiti Teknologi Mara.

Norhayuza Mohamad & Rakan-rakan. (2007). *Modul Bahasa Arab – BAB 130 Al-‘Arabiyyatt li al-Siyāhatt*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.

Ridzuan Ahmad. (1990). Penilaian Dan Pemilihan Alat Dan Bahan Pengajaran Bahasa Malaysia. *Seminar Bahasa Dan Sastera* (pp. 128-137). Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Sahabudin Salleh. (2003). *Masalah Penguasaan Bahasa Arab Komunikasi Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sharifah Alwiyah Alsagof. (1981). Pengenalan Pengajaran Individu Dengan Tumpuan Khas Kepada Modul Pengajaran Dan Modul Pembelajaran. *Pendidik dan Pendidikan* , Jilid 3 Bil 1.

Sidek Mohd Noah & Jmaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul Bagaimana Membina Modul Latihan Dan Modul Akademik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Stufflebeam, D. L. (1984). *Systematic Evaluation : A Self-Instructional Guide To Theory And Practice* . Kluwer: Kluwer-Nijhoff.

Sulaiman, N. (2002). *Analisi Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zawawi Ismail. (2005). Pendekatan Komunikatif Di Dalam Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia. *Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia: Cabaran & Inovasi* (pp. 16-35). Bangi: Minda Imtiyaz Publications.

LAMPIRAN

